


Jilid I
Bil. 8



Hari Jumaat
15hb November, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 629]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 647]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 706]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974) [Ruangan 649]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974 [Ruangan 649]

Jawatankuasa—

Kepala P. 62 [Ruangan 649]

Kepala P. 63 [Ruangan 684]

Kepala P. 64 [Ruangan 697]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 15hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelevu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

- Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

RUMAH-RUMAH DI KAMPUNG- KAMPUNG BARU—BAIKI

1. Dr Tan Chee Khoon: minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau telah mengadakan suatu rancangan yang tegas untuk membaiki yang buruk di setiap kawasan penempatan baru di seluruh Malaysia dan jika tiada, bilakah rancangan seperti itu akan disiapkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengadakan rancangan-rancangan yang sesuai dan tegas untuk membaiki keadaan yang buruk di setiap kawasan penempatan baru atau kampung-kampung baru.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, pemberian wang (grants) sebanyak \$10 juta telah diluluskan untuk projek-projek pembangunan dalam kampung-kampung baru. Di samping itu Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk menyelaraskan semua Kementerian yang berkenaan supaya tindakan yang sesuai dapat diambil terhadap pembangunan kampung-kampung baru.

Seperti saya telah beritahu Dewan Yang Mulia ini pada 6-11-74 Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru ber-cadang hendak menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Kampung di kampung-kampung baru yang mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab yang serupa sebagaimana dijalankan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang telah ditubuhkan di peringkat-peringkat kampung-kampung yang lain supaya apa juga projek-projek pembangunan yang hendak dijalankan di kampung-kampung baru akan diuruskan menerusi Jawatankuasa ini.

Di samping itu, rancangan-rancangan pembangunan lanjutan dan peruntukan-peruntukan tambahan akan disediakan bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebutkan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua berapakah wang yang diperuntukkan untuk kampung-kampung baru, saya tidak dengar berapa jumlahnya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: \$10 juta.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar, pada masa sekarang pun Kerajaan Pusat mengatakan keadaan kampung-kampung baru ialah kewajipan Kerajaan Negeri masing-masing, walaupun sekarang kita ada satu Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Adakah beliau sedar peruntukan sebanyak \$10 juta di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua tidak mencukupi langsung untuk memberi kemudahan-kemudahan yang sesuai dan sewajarnya seperti jalan, air, lampu letrik, longkang atau parit. Apakah tindakan Kementeriannya sedang atau akan ambil supaya peruntukan itu boleh ditambah di masa Rancangan Malaysia Yang Kedua supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung baru boleh dapat kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan bahawa rancangan-rancangan pembangunan lanjutan dan peruntukan-peruntukan tambahan akan disediakan bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjelaskan pada tahun 1975 berapakah peruntukan kepada kampung-kampung baru di seluruh Malaysia?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Bagi tahun 1975 sebagaimana mungkin Yang Berhormat itu mengetahui, dalam Belanjawan Persekutuan Tahun 1975 Kertas Perintah 22/74 Kepala Pembangunan P. 16, Pecahan-Kepala 26 ada disebutkan di sana.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhan Kementerian Kampung-kampung Baru tiga tahun dahulu kita ada dengar daripada Menteri yang berkenaan bahawa satu daripada jalan untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk

di kampung-kampung baru ialah memperbandarkan atau ditukar taraf kampung-kampung baru kepada bandar (urbanisation). Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini, berapa buahkah kampung-kampung baru sekarang dalam sasaran (target) untuk memperbandarkan, bagi meninggikan taraf dan kemudahan-kemudahan yang ada untuk pendudukan penduduk di kampung-kampung baru?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Itu soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa nama Kampung-kampung Baru ini tidak begitu sesuai dengan keadaan kehendak kita untuk menyatukan kaum di negara ini, kerana ia merupakan satu kampung yang diduduki oleh satu golongan. Tidakkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang untuk menukarkan nama Kampung-kampung Baru ini kepada nama yang lain yang lebih sesuai untuk penyatuan kaum di negara ini?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

ASKAR PANGKAT RENDAH— TEMPAT KEDIAMAN

2. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa tempat-tempat kediaman untuk askar-askar yang berpangkat rendah tidak mencukupi dan jika sedar, apakah rancangan Kementerian telah disiapkan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa tempat-tempat kediaman untuk askar berpangkat rendah tidak mencukupi dan perkara ini adalah satu masalah yang sentiasa dalam perhatian Kementerian Pertahanan. Langkah-langkah yang telah dan yang sedang diambil termasuklah:

- (1) Menyewa atau membeli rumah-rumah pangsa harga murah daripada pihak badan-badan berkanun.
- (2) Membina rumah-rumah papan sebagai langkah sementara.
- (3) Kementerian Pertahanan juga akan meneruskan rancangan yang sedia ada

untuk membina tempat-tempat kediaman tetap untuk memenuhi keperluan jangka panjang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar khasnya di Kuala Lumpur yang mana askar-askar atau anggota-anggota tentera yang berpangkat rendah mereka dapat elaun sewa rumah yang tidak mencukupi langsung untuk menyewa rumah. Oleh sebab itu, apakah tindakan Kementerannya telah ambil atau sedang diambil atau akan diambil supaya Kementerannya boleh membina rumah di sekeliling Kuala Lumpur untuk askar-askar yang berpangkat rendah?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, memang ada rancangan Kementerian saya untuk mengatasi masalah ini. Buat masa ini rumah-rumah yang disewa di Kuala Lumpur hanya 100 yunit di kawasan Jalan Loke Yew, tetapi ada rancangan membeli atau menyewa daripada beberapa projek perumahan yang masih dalam pembinaan seperti projek di Jalan San Peng, Peringkat I dan II, di Jalan Bukit Bungsar, Peringkat III. Selain daripada itu, Kementerian saya juga membina rumah-rumah papan sebagai langkah sementara. Kementerian saya di masa ini ada rancangan untuk membuat rumah-rumah papan di kawasan Sungai Besi sebanyak 200 yunit, Selayang Baru 500 yunit dan Serdang Baru 300 yunit. Selain dari itu, Kementerian Pertahanan juga sedang cuba mendapatkan kawasan 450 ekar di antara Kementah dan Wardieburn Camp dan 70 block rumah pangsa yang akan dibina di Ulu Klang sebanyak lebih kurang 336 yunit. Projek-projek besar yang lain yang dirancang ialah di Lumut, Subang dan Sungai Buluh. Kebanyakan daripada projek-projek ini akan siap selepas tahun 1975.

Tengku Zaid Al-Haj bin Tengku Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum rumah-rumah ini disiapkan adakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk menambah housing allowance atau elaun sewa rumah bagi soldadu-soldadu yang berpangkat rendah?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pertahanan ada

memberi housing allowance kepada mereka, tetapi untuk menambah housing allowance itu belum ada rancangan, kerana kita ada menyediakan rancangan-rancangan untuk mengatasi masalah-masalah perumahan untuk anggota-anggota angkatan tentera ini.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sanya pada masa ini di Kuala Lumpur pihak Kerajaan Negeri Selangor dan Dewan Bandaraya sentiasa memberikan kerjasama kepada Kementerian Pertahanan iaitu memberi keutamaan kepada flat-flat yang dibinanya kepada askar-askar yang ada di dalam Kuala Lumpur ini?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Ya, memang sedar.

RANCANGAN PERUMAHAN AWAM

3. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan cara-cara koodinasi yang diambil untuk mendapatkan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam pembinaan rumah-rumah, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar, untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan rakyat dan panduan usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa segala permohonan-permohonan untuk wang pinjaman bagi melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam adalah diproseskan oleh Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru dan jika projek-projek itu dianggarkan sesuai atau "viable" maka kelulusan adalah diberi. Setelah kelulusan diberi oleh Kementerian ini, maka perjanjian yang tertentu terhadap wang pinjaman itu adalah disempurnakan di antara pihak Kerajaan Negeri dengan pihak Perbendaharaan.

Projek-projek perumahan awam yang diluluskan itu adalah dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing.

Di samping itu pula Kerajaan-kerajaan Negeri juga ada membekalkan daripada peruntukan Kerajaan masing-masing bagi

melaksanakan rancangan-rancangan perumahan juga kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mereka.

Di Wilayah Persekutuan pula, projek-projek perumahan awam adalah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya sendiri dengan wang pinjaman daripada Kerajaan Pusat.

Dengan peraturan yang saya sebutkan tadi tidaklah terdapat apa-apa kekeliruan malahan merupakan satu koodinasi untuk menentukan yang kekurangan rumah-rumah rakyat dapat diatasi dengan sempurnanya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan tidak ada didapati cara-cara Kementerian tersebut boleh dapat dan memiliki kawasan-kawasan yang telah di lombong atau yang telah digunakan oleh pelombong-pelombong. Dari itu adakah Kementerian telah mendapat kerjasama dari Kerajaan Negeri bagi mendapatkan kawasan-kawasan tersebut, kerana kita tahu bagaimanapun ada koordinasi berkenaan dengan kewangan dan sebagainya, kalau tidak ada mempunyai tanah di manakah kita hendak mendirikan rumah-rumah itu?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Sebagaimana Yang Berhormat itu maklum bahawa masalah tanah ini adalah masalah Kerajaan Negeri, dalam pada itu Kementerian ini sentiasa berunding dengan pihak Kerajaan Negeri mengenai masalah ini.

HOSPITAL DAERAH KANOWIT

4. Dr Tan Chee Khoo (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan bercadang hendak membina sebuah Hospital Daerah di Kanowit.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk membina sebuah hospital di Kanowit di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sedang dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

JAWATANKUASA PENGKAJIAN HARGA

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) samada Kementerian beliau akan menubuhkan satu Jabatan Khas bagi

Perlindungan Pengguna yang berkuasa menurunkan harga barang-barang;

- (b) samada beliau bersetuju menubuhkan suatu "Tribunal Harga Adil" untuk melindungi pengguna-pengguna daripada bencana inflasi; dan
- (c) apakah inisiatif-inisiatif baharu yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencari jalan mengujudkan Dasar Anti-inflasi Kebangsaan bagi memulihkan kuasa pembelian dan taraf hidup golongan yang miskin.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah sedia ada satu Jawatankuasa Pengkajian Harga yang mengkaji masalaah kenaikan harga bagi barang-barang yang di bawah naungan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sebarang kenaikan harga barang-barang tersebut akan hanya dibenarkan setelah kajian yang mendalam dibuat dan hanya kenaikan kos yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar tempatan tidak dapat diserap oleh pengeluar-pengeluar tempatan dibenarkan dinaikkan harganya. Oleh kerana telah ada badan untuk mengkaji harga maka saya rasa tidaklah perlu ditubuhkan satu Jabatan Khas di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengendalikannya kerja-kerja yang serupa sepertimana yang disyorkan itu. Selain daripada itu, di dalam Kementerian juga ada Bahagian Perniagaan di dalam negeri dan juga Bahagian Penguatkuasa yang juga terlibat di dalam kerja-kerja mengawal supaya harga-harga barang keperluan tidak naik dengan kadar yang tidak berpatutan.
- (b) sebagai Ahli Yang Berhormat maklum Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun menubuhkan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan mengikut Akta Kawalan Harga Pindaan Tahun 1974 dengan tanggungjawab memberi nasihat kepada Kerajaan supaya beberapa langkah dapat diambil bagi melindungi kepentingan pengguna dan mengawal inflasi secara langsung dan tidak langsung. Buat masa ini Kementerian ini berpendapat

bahawa usaha-usaha Majlis tersebut dan tugas-tugas bahagian-bahagian lain di Kementerian ini dengan dibantu oleh usaha-usaha Kementerian-kementerian dan Pejabat-pejabat lain adalah mencukupi untuk mengawal keadaan harga barang-barang.

- (c) ialah perkara dasar Anti-Inflasi Kebangsaan seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum telahpun dibentangkan secara mendalam di dalam ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, dan saya percaya Ahli Yang Berhormat boleh membaca dan mengkaji dengan lebih mendalam segala dasar-dasar yang telah diterangkan di dalam ucapan itu yang melibatkan cara-cara dalam mana kita telah menetapkan dasar-dasar anti-inflasi bagi Kerajaan.

Bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sukalah saya nyatakan bahawa inisiatif-inisiatif telah dan akan diambil meliputi pembebasan dan kelonggaran sekatan impot, pengurangan dan penghapusan cukai impot dan mengenakan kawalan eksport terhadap beberapa barang perlu, melipatgandakan usaha mencegah perbuatan sorok menerusi Bahagian Penguatkuasa yang saya telah nyatakan tadi, mengkaji dan meminda akta-akta berkaitan dengan perlindungan pengguna dan jika perlu mengemukakan akta-akta baru bagi melindungi kepentingan-kepentingan pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah mencadangkan supaya cukai impot kepada gula bersih ataupun refined sugar dihapuskan dan baru ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Di samping itu juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian khusus dalam bidang perindustrian telah mematuhi langkah-langkah dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan supaya menitikberatkan perhatian pandangan kepada perindustrian yang berasaskan kepada pertanian ataupun agrobased industry dengan mengadakan lebih banyak lagi incentive atau penggalakan supaya lebih banyak lagi perindustrian yang berasaskan kepada pertanian ataupun agrobased boleh dimulakan supaya dapat kita mengadakan bekalan makanan yang mencukupi. Ini dibuktikan baru-baru ini diadakan perintah atau pengisytiharan dalam mana

pengeluar-pengeluar daripada kilang-kilang yang dahulunya tidak diberi taraf perintis yang berasaskan pertanian ataupun bekalan makanan, sekarang ini mengikut perintah baru ini telah dimasukkan dalam takrif barang-barang perusahaan yang perlu diberi pioneer status ataupun taraf perintis. Kementerian juga sekarang ini mengkaji senarai-senarai barang-barang yang selama ini kita banyak impot ke dalam negara kita, dengan tujuan supaya dapat kalau boleh kita menahan ataupun mengurangkan kemasukkan barang-barang yang agaknya boleh kita adakan di sini ataupun tidak perlu digunakan oleh orang di sini supaya dapat kita mengurangkan barang-barang yang dimasukkan ke dalam negara kita, memandangkan sebagaimana ada kenyataan daripada Menteri Kewangan baru-baru ini bahawa balance of trade negara kita sekarang telah banyak melebihi kepada barang-barang yang diimport daripada diekspot.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada satu kompen besar di kalangan pengguna-pengguna iaitu apabila Kerajaan meluluskan kenaikan harga, Kerajaan tidak menimbang kepentingan-kepentingan atau pendapat-pendapat pihak pengguna atau persatuan-persatuan pengguna. Yang Berhormat Menteri ada berkata tadi kita ada satu Majlis Perlindungan Kepentingan Pengguna-pengguna yang beliau sifatkan sangat memuaskan hati untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini adakah Majlis Perlindungan Kepentingan Pengguna-pengguna dapat peluang untuk menimbang perkara kenaikan harga seperti tepung hari ini dan gula baru-baru ini sebelum Kerajaan meluluskan kenaikan harga kepada dua perkara ini?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi pada masa ini telah ditubuhkan Majlis Pelindung Pengguna Kebangsaan yang memberi panduan nasihat kepada Kementerian, khususnya tentang kenaikan harga barang. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa di dalam badan-badan ini ada 28 orang ahli dalam mana termasuk banyak juga wakil-wakil daripada pihak-pihak pengguna (consumers association). Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas selaku,

saya rasa, Pengerusi Badan Pengguna ataupun consumers association adalah seorang ahli di dalam Badan ini yang selama ini telah memainkan peranan yang sangat penting dan pengguna. Suka juga saya menyatakan di sini bahawa kalau sekiranya ada permohonan daripada pihak firma-firma dan kilang-kilang perusahaan yang bertujuan menaikkan harga-harga barang-barang keperluan seperti susu baru-baru ini, gula dan tepung maka permohonan ini perlulah disalurkan dahulu kepada Kementerian, Kementerian saya akan mengkaji pertamanya dihantar kepada Jawatankuasa yang saya katakan tadi ada di peringkat Kementerian yang akan mengkaji dengan mendalam permohonan-permohonan yang dibuat oleh firma-firma ini untuk menaikkan harga barang-barang keperluan berasaskan kepada cost of production. Sebagaimana yang saya sebutkan dalam jawapan saya baru-baru ini yang disahkan oleh odit di firma yang berkenaan dan juga pihak Kastam, pihak Kementerian akan cuma membenarkan kalau boleh dibenarkan oleh Kementerian, atau kalau dibenarkan oleh Jemaah Menteri hanya akan mencadangkan supaya Jemaah Menteri meluluskan kenaikan harga barang itu kalau sekiranya daripada kenyataan yang diberi oleh firma-firma ini ada sebab-sebab yang munasabah bagi harga barang-barang ini dinaikkan. Jadi tidaklah benar sebagaimana mungkin diramalkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa harga barang-barang ini dinaikkan oleh pihak firma itu dengan sewenang-wenangnya dengan tidak berhubung dahulu dengan Kementerian, Kementerian dan Jawatankuasa yang berkenaan itu tidak mengkaji dengan mendalam sebab-sebab dalam mana barang-barang itu mahu dinaikkan harga.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa Bahagian Penguatkuasa sekarang ini terlalu lemah, kerana kekurangan tenaga dan kekurangan kakitangan? Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memperteguhkan Bahagian Penguatkuasa ini supaya dapat lebih berkesan?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang

membangkitkan perkara ini. Saya sedar bahawa Bahagian Penguatkuasa (Enforcement Division) dalam Kementerian ini tidaklah begitu kuat. Bilangan pegawai setakat ini ialah cuma 72 orang dan tanggungjawab mereka sebagai pegawai-pegawai penguatkuasa adalah meliputi seluruh negara, termasuk tidak salah saya Sabah dan Sarawak. Jadi di atas kesedaran ini saya telah membawa perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti Perbendaharaan dan pejabat-pejabat lain meminta supaya pertimbangan saksama diberi kepada perkara ini, dan kalau boleh ditambah bilangan pegawai-pegawai ini untuk memperkuat lagi Bahagian ini.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa urusetia yang telah diadakan untuk menjalankan kerja Majlis Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan itu juga tidak lengkap dan sehingga hari ini sungguhpun lebih setahun berjalan, belum lagi cukup tenaga dan kakitangannya. Bilakah agaknya boleh diadakan anggota-anggota dan kakitangan secukupnya supaya dapat Majlis itu menjalankan kerja-kerja dengan sempurna?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di atas kelemahan ini dan pada masa ini saya sedang mengkaji kedudukan (set up) badan itu dengan tujuan supaya dapat memperkemas lagi kedudukannya.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Melaka tidak bertanya kepada Menteri berkenaan, adakah soal kenaikan harga gula dan tepung gandum yang baru-baru ini harganya dinaikkan itu telah diserahkan kepada Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan, malangnya Menteri berkenaan tidak menjawab soalan itu. Perkara ini adalah penting oleh sebab kita ada menubuhkan suatu badan yang boleh mewakili pengguna-pengguna di tanahair kita, dan kalau sekiranya kenaikan harga apa-apa barang keperluan Majlis itu tidak dapat campur tangan dan memberi pandangannya lebih baik kita bubarkan sahaja Majlis itu?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Sebagaimana saya katakan tadi ada dua buah Jawatankuasa, pertamanya di

peringkat Kementerian, kedua Majlis yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi tentang permohonan untuk kenaikan harga barang-barang keperluan seperti gula, tepung dan susu baru-baru ini, perkara ini telah dikaji dengan mendalam bukan sahaja oleh bahagian Domestic Trade atau Bahagian Perniagaan dalam Negeri bahkan juga Jawatankuasa yang satu lagi yang diwakili oleh berbagai Pejabat Kerajaan, Kementerian-kementerian yang terlibat. Selepas permohonan itu dikaji, sebab-sebab kenaikan barang-barang itu dikaji dengan mendalam didapati menasabah perkara itu diberi pertimbangan barulah Kementerian mengemukakan permohonan ini kepada pihak Jemaah Menteri yang telah juga menimbang-kan dengan cara mendalam permohonan-permohonan itu, sebab-sebabnya harga hendak dinaikkan dan telah meluluskan kenaikan harga barang-barang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat tahu Jawatankuasa di dalam Kementerian yang mengkaji permohonan kenaikan harga ialah satu Jawatankuasa departmental, semua wakil-wakil daripada Kerajaan dan tidak ada wakil-wakil daripada pihak pengguna-pengguna atau kesatuan pengguna dan apa yang dikehendaki oleh Majlis Pelindung Pengguna-pengguna ialah kerana kita mahu kepentingan pengguna pengguna ditimbang-kan sebelum satu perkara kenaikan harga diluluskan dan jika

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya? Nampaknya hendak buat ucapan!

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa perkara kenaikan harga semacam gula dan tepung gandum tidak diserahkan kepada Majlis Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan bererti kepentingan pengguna-pengguna tidak diwakili dan tidak ditimbang-kan, sebab itu pengguna-pengguna tidak puas hati atas kenaikan harga barang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri di masa hadapan membuat satu amalan yang baru di mana sebelum perkara essential commodity dinaikkan, perkara itu mesti diserahkan kepada Majlis Penasihat Pelindung Kepentingan Pengguna-pengguna untuk menimbang-kan pendapat pengguna-pengguna.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, discretion ataupun timbang-tilik samada satu-satu perkara itu patut diserahkan kepada Jawatankuasa yang besar, 28 orang tadi adalah terserah kepada Menteri yang berkenaan, kepada saya. Jika daripada sebab-sebab permohonan itu saya nampak tak perlu dibawa kepada Jawatankuasa yang besar, memadai saya membawa kepada Jawatankuasa kecil di mana ada banyak pakar-pakar atau expert yang boleh mengkaji dengan mendalam sebab-sebab yang dikemukakan oleh pihak yang berkenaan atau firma-firma berkenaan. Kalau menasabah perkara itu dalam pandangan Jawatankuasa itu, pandangan saya dan pegawai-pegawai saya, saya cuma boleh bawa kepada Jemaah Menteri dan itu terpulanglah kepada Jemaah Menteri untuk menimbangkannya dengan tak payah saya membawa perkara itu kepada Majlis Jawatankuasa yang satu lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir sekali kerana soal ini telah lama dibahaskan.

Dr Tan Chee Khoon: Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan beliau sebagai Menteri mesti memberi discretion, itu saya akui, tetapi sebelum Kementeriannya bersetuju dengan kenaikan harga barang-barang keperluan, maka perlulah beliau atau Jawatankuasa yang disebutkan tadi, serahkan perkara itu kepada Majlis Penasihat Pelindungan Pengguna-pengguna supaya pengguna-pengguna di seluruh Malaysia boleh berkata, wakil kita ada mengambil bahagian walaupun pendapat kita tidak dipersetujui kita puas hati kerana kita ada memberi buah fikiran. Satu perkara lagi saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apabila Kementeriannya bersetuju dengan kenaikan harga minyak, adakah perkara itu diserahkan kepada Majlis Penasihat Pelindungan Pengguna-pengguna Kebangsaan sebelum kenaikan harga minyak dipersetujui?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat iaitu minyak itu banyak jenisnya. Adakah minyak petrol?

Dr Tan Chee Khoon: Ya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tentang pertanyaan itu saya suka hendak menyatakan bahawa minyak adalah tanggungjawab Kementerian lain, iaitu Kementerian Perusahaan Utama.

PERNAS—PERDAGANGAN DENGAN CHINA

6. Tuan L'm Cho Hock minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa suatu kekuatiran yang makin bertambah di kalangan pedagang-pedagang Malaysia kerana Ejensi Kerajaan seperti PERNAS sedang memboikot perdagangan dengan Negeri China, oleh yang demikian pedagang-pedagang tidak berpeluang berdagang dengan Negeri China.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan bahawa PERNAS tidak membolot perdagangan dengan Negeri China. Pada ketika ini lebih daripada 90% impot dari Republik Rakyat China ke Malaysia adalah dikendalikan oleh Pedagang-pedagang swasta di Malaysia.

Oleh yang demikian Yang Berhormat tidaklah patut merasa kuatir atau bimbang terhadap peranan PERNAS menjadi ejen bagi perdagangan dengan Negeri China kerana PERNAS hanya memproses permohonan untuk mengimpot barang-barang dari Negeri China sahaja. Pedagang-pedagang tradisional yang memegang ejensi dari pihak Republik Rakyat China masih diberi peluang menguruskan perdagangan mereka tanpa apa-apa sekatan asalkan permohonan mereka itu disalurkan melalui PERNAS. Sekiranya ada apa-apa sekatan terhadap pengimpotan barang-barang dari Negeri China, sekatan yang sama adalah juga dikenakan atas barang-barang keluaran negara-negara lain. Walau bagaimanapun adalah menjadi hasrat Kerajaan menentukan bahawa perdagangan terus-menerus disalurkan dengan tidak payah melalui pihak yang ketiga (third party) dan oleh itu wajarlah bagi Kerajaan menyesuaikan kehendak ini dengan mengadakan PERNAS sebagai ejen yang memproseskan segala permohonan untuk mengimpot barang-barang buatan Negeri China.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

7. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak kerja-kerja yang belum selesai di Lembaga Padi dan Beras Negara dalam memproses permohonan-permohonan lesen-lesen daripada penjual-penjual runcit beras. Jika ya, apakah tindakan-tindakan yang beliau bercadang hendak ambil untuk mengatasi keadaan ini.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

HOSPITAL MELAKA— SIASATAN KEMATIAN

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kemajuan mengenai siasatan dan tindakan polis tentang kematian di Hospital Melaka di antara bulan Julai dan Ogos, 1973 berikutan dengan kelalaian hospital yang telah dirujukkan kepada mereka oleh Kementerian Kesihatan; dan nyatakan samada pihak polis bercadang untuk merujukkan perkara ini kepada Mahkamah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, siasatan polis ke atas kejadian ini telah selesai dan tarikh inquest yang pertama telah ditetapkan oleh Mahkamah Melaka pada 13hb Disember, 1974.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa orang atau berapa kes kematian antara 107 yang disiasat dan akan dikemukakan kepada inquest?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi soal ini sudah dibawa ke pengetahuan mahkamah, jadi tidak payah dijawab lagi.

ORDINAN PEKERJAAN 1955— ULANGKAJI

9. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan memansuhkan Seksyen

17 Akta Pekerjaan, 1955 oleh kerana ia memberikan peruntukan penamatan secara automatik kontrak kerja bagi pekerja-pekerja yang mana kontraknya tamat.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membuat pertanyaan ini izinkan

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak bertanya nyatakan pertanyaan atas soal bilangan berapa. Ini peraturan Dewan. Tak boleh buat ucapan atau kenyataan (statement).

Tuan Ngan Siong Hing: Bukan statement tetapi saya minta kebenaran untuk membuat

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh! Mengikut peraturan bila disebutkan nama, sebutkan bilangan nombor soalan itu sahaja.

Tuan Ngan Siong Hing: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Soalan No. 9.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, sebelum Ordinan Pekerjaan, 1955 adalah sedang diulangkaji oleh sebuah Jawatankuasa yang terdiri dari wakil-wakil Kerajaan, Pertubuhan Perunding Majikan-majikan Tanah Melayu dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, yang merekanya merupakan ahli-ahli kepada Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan. Memandangkan kedudukan yang sedemikian itu, pertimbangan yang sewajarnya sudah tentu akan diberi ke atas persoalan samada Seksi 17 dalam Ordinan tersebut hendak dibatalkan atau tidak.

SETINGGAN-SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

10. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada terdapat tanah yang mencukupi dalam Wilayah Persekutuan untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang tinggal di beberapa bahagian Wilayah Persekutuan apakala mereka terpaksa meninggalkan tempat masing-masing kerana projek-projek Kerajaan; jika tidak, nyatakan samada Kerajaan Pusat boleh memohon lebih banyak lagi tanah dari Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, tanah di Wilayah Persekutuan adalah terhad untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang tinggal di beberapa bahagian Wilayah Persekutuan. Tindakan sekarang ialah menempatkan semula setinggan-setinggan yang terpaksa dipindahkan ke rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya. Kerajaan Pusat akan cuba mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan tanah bagi penempatan semula setinggan-setinggan jika difikirkan sangat perlu. Kerajaan Selangor sendiri menghadapi masalah setinggan-setinggan di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Kuala Lumpur dan keutamaan mestilah diberi untuk menyelesaikan masalah-masalahnya sendiri.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada Kerajaan Pusat sedar bahawa kebanyakan setinggan-setinggan yang diusir memerlukan tanah untuk mencari nafkah. Jika beliau sedar samada Kerajaan Pusat ada satu rancangan tanah untuk membahagikan tanah ini kepada setinggan-setinggan itu?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya telah jawab dalam jawapan yang telah diberikan oleh saya tadi.

PERKESO—PAMPASAN KEPADA PEKERJA-PEKERJA

11. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah yang telah dibayar kepada pekerja-pekerja sebagai:

- (a) Pampasan, dan
- (b) bonus,

sejak mula mendirikan PERKESO (SOCO) sehingga 30hb September, 1974.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Keselamatan Sosial tidak membayar pampasan atau bonus kepada pekerja-pekerja. Kedua-dua sekim yang sekarang ditadbirkan oleh Pertubuhan itu, walau bagaimanapun, memberi faedah-faedah tertentu secara tunai dan jenis kepada pekerja-pekerja sekiranya ilat dan mendapat

bencana kerja termasuk penyakit-penyakit khidmat seperti yang dibekalkan oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

Sejak ditubuhkan PERKESO sehingga 30hb September, 1974, Pertubuhan ini telah membayar \$1,918,701.07 yang terdiri dari \$1,190,461.27 sebagai faedah tunai dan \$728,239.80 sebagai faedah perubatan.

HARTA JUALAN KERETA-KERETA DI SABAH/SARAWAK

12. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa harga kereta-kereta yang dipasang di Malaysia yang dijual di Sabah adalah tidak sama dengan harganya di Semenanjung Malaysia; samada Kerajaan bercadang hendak menggunakan "Harga Yang Ditetapkan oleh Kerajaan" (Government Approved Price) bagi kereta-kereta yang dipasang di Malaysia supaya harganya sama seperti Semenanjung Malaysia;
- (b) bilangan kereta "reconditioned" (Secondhand) telah dibenarkan dibawa masuk dari luar negeri ke Sabah sepanjang tahun 1974 dan nyatakan dari manakah, serta sebab-sebab kebenaran ini diberi; dan
- (c) samada terdapat di Sabah pemasang lori secara haram; sekiranya ada, nyatakan tempat-tempat perbuatan itu berlaku dan bilangan lori yang telah dipasang.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa harga jualan bagi kereta-kereta yang dipasang di Malaysia tempatan, di Sabah dan di Sarawak adalah lebih mahal daripada yang dijual harganya di Malaysia. Harga-harga kereta-kereta yang dipasang tempatan, yang dijual di Sabah dan juga di Sarawak adalah tinggi harganya daripada yang dijual di Semenanjung Malaysia oleh kerana disebabkan tambang perkapalan (freight charges) dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak yang agak tinggi iaitu lebih kurang \$600 sebuah motokar.

Kerajaan bercadang hendak memperluas lagi syarat "harga kereta yang ditetapkan" (Government Approved Price) Sabah dan Sarawak apabila pemasangan-pemasang kereta di kedua-dua negeri itu mula memasang kereta-kereta secara bersendirian.

(b) Mengikut rekod, lesen-lesen yang telah dikeluarkan untuk mengimpot kereta-kereta "reconditioned" (secondhand) dari luar negeri masuk ke Sabah pada bulan Januari sampai Oktober tahun 1974 adalah sebanyak 283 buah. Kereta-kereta ini adalah diimpot dari Malaysia Barat, Negeri Jepun, Hong Kong dan Singapura. Kelulusan untuk mengimpot kereta-kereta "reconditioned" ini adalah berdasarkan kepada:

(i) quota yang telah diperuntukkan kepada syarikat-syarikat, terutama sekali syarikat-syarikat Bumiputra;

(ii) kereta itu adalah kepunyaan pegawai-pegawai yang bertukar dari Semenanjung Malaysia di Sabah; dan

(iii) diberi atas sebab-sebab yang difikirkan menasabah oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

(c) Sejauh yang saya ketahui, Kementerian saya pada masa ini di Sabah tidak ada terdapat pemasangan lori secara haram.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA DAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960, dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 4)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI SPEKULASI TANAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan untuk mengena, mendapatkan secara levi dan memungut cukai perkhidmatan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LALU- LINTAS JALAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lalulintas Jalan, 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERJUDIAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Perjudian, 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1974)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (14hb November, 1974).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1974

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan dirojokkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$49,508,131 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu. (14hb November, 1974).

Majlis Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

JADUAL

Kepala P. 62—

3.24 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan wang peruntukan tambahan sebanyak \$10 untuk Pecahan-kepala 31 dalam Kepala 62—Kementerian Kebajikan Am, diluluskan.

Tuan Pengerusi, keputusan telah diambil untuk membesarkan asrama rumah tahanan di Kota Kinabalu yang ada pada masa ini iaitu di Sabah supaya dapat dijadikan sebuah sekolah akhlak di samping menjadi rumah tahanan. Asrama tahanan di Kota Kinabalu ini telahpun dibina di bawah Rancangan Malaysia Pertama berikutan dengan penerimaan tanggungjawab oleh Kerajaan Pusat bagi perkhidmatan pesalah budak-budak apabila Malaysia diwujudkan.

Perkhidmatan bagi pesalah budak-budak di Sabah adalah satu perkhidmatan yang baru dan pada masa itu sebuah asrama seperti itu difikirkan perlu diadakan di Sabah. Pembinaan sebuah sekolah akhlak tidaklah begitu mendesak ketika itu oleh kerana budak-budak yang memerlukan latihan sekolah akhlak boleh dihantar ke Sarawak.

Sejak Akta Mahkamah Budak-budak, 1947 yang dikaji semula tahun 1972 iaitu Juvenile Court Act, 1947 telah dilanjutkan ke Sabah mulai pada 1hb Oktober, 1972 yang lalu, budak-budak tidak lagi dihantar ke Sarawak dan sebuah sekolah akhlak perlu diadakan di Sabah.

Perbelanjaan bagi mengubah asrama ini untuk dijadikan sekolah akhlak disamping menjadi asrama dan rumah tahanan adalah dianggarkan berjumlah sebanyak \$100,000 untuk membina satu workshop yang mengandungi satu bilik darjah, satu bilik darjah tempat mengajar jahit-menjahit dan satu bilik handcraft, carpentry untuk memberi latihan bagi pesalah budak-budak yang ditahan di situ. Untuk tahun ini hanya \$50,000 sahaja dikehendaki untuk membayar progress payment bagi pembinaan itu dan wang yang sebanyak \$50,000 lagi itu akan diperuntukkan pada tahun hadapan. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, peruntukan tanda sebanyak \$10 telah didahulukan daripada simpanan luar jangka manakala bakinya sebanyak \$49,999 itu telah diperolehi secara pindah peruntukan daripada Pecahan-kepala I Bengkel untuk Orang Cacat, Selangor.

Tuan Pengerusi, Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda sebanyak \$10 itu bagi mengganti wang pendahuluan yang telah dibuat daripada simpanan luar jangka itu dan seterusnya meminda anggaran bagi projek asrama rumah tahanan budak-budak

Kota Kinabalu, Tawau di bawah Pecahan-kepala 31 itu daripada \$158,000 kepada \$258,000.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan ini diluluskan.

3.28 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, suka saya bercakap sedikit ketika Menteri yang berkenaan meminta supaya Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan tanda sebanyak \$10 sebagai maksud-maksud yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, dalam perkara sekolah akhlak yang hendak kita berikan peruntukan ini, saya ingin memperkatakan sedikit iaitu tentang peluang-peluang yang diberi di sekolah itu. Mengikut keterangan yang diberi oleh Menteri sekejap tadi bahawa ada beberapa pengajaran akan diberi dan telah diberi kepada anak-anak yang tinggal di asrama tahanan iaitu sekolah akhlak yang dikelolakan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Saya nampak sesungguhnya latihan-latihan yang diberi, pengajaran-pengajaran yang diberi kepada anak-anak yang ditahan di situ kurang begitu menghasilkan sesuatu yang kita kehendaki, kerana saya dapati anak-anak yang ditahan di sini selalunya apakala keluar daripada tahanan itu mereka tidak pun dapat menggunakan peluang yang diperolehi dari tempat itu untuk mereka menjalankan kehidupan di luar daripada asrama yang tersebut.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Nampaknya mereka lebih suka dengan keadaan merayau-rayau dan lebih gembira dengan tidak membuat apa-apa pekerjaan. Malah ada sebahagian daripada anak-anak yang keluar daripada asrama ini makin bertambah jahat. Sepatutnya apakala anak-anak yang telah ditahan di asrama akhlak ini apakala keluar daripada asrama itu bertambah baik, tetapi tidak—mereka bertambah jahat kerana mereka mengatakan bahawa mereka yang keluar daripada asrama ini seolah-olah mereka telah dicap dengan orang yang tidak baik. Apakala mereka keluar mereka buat jahat lagi.

Setahu saya banyak kes-kes yang berlaku tentang kejadian-kejadian kecurian secara kecil-kecilan adalah daripada anak-anak yang dipelihara ataupun yang ditahan daripada asrama-asrama ini. Selalu kejadian-kejadian di mana budak-budak ini, yang tinggal di asrama itu, apakala keluar mereka berkumpul dan menjadi guru kepada budak-budak yang di luar yang masih belum mengetahui apa-apa sesuatu, malah mereka mengadakan kegiatan-kegiatan yang tidak baik dengan melakukan perkara-perkara yang kurang menyenangkan dan sebahagian di antaranya ditahan dan ditangkap oleh pihak Polis dan dibicarakan. Ketika itu anak-anak tadi bukan sahaja telah dewasa bahkan mereka telah cuba menjadi ahli dalam bidang yang berkenaan.

Saya rasa, sepatutnya pihak Kementerian yang berkenaan harus mengkaji cara-cara yang lebih sesuai tentang pengajaran-pengajaran yang perlu diberikan kepada anak-anak yang ditahan di asrama akhlak yang dikendalikan oleh Kementerianannya. Setahu saya pelajaran yang benar-benar perlu ialah akhlak, misalnya kalau daripada orang Islam pelajaran akhlak ini memang diajar daripada peringkat anak-anak lagi dan kalau sebuah sekolah yang dikendalikan oleh badan-badan Islam maka akhlak adalah menjadi satu pengajaran yang pasti kerana itu adalah satu daripada rukun hidup sebagai seorang Islam. Dan di asrama-asrama ini pelajaran akhlak yang secucuk dengan keadaan masyarakat di luar, saya rasa tidak begitu berkesan. Saya mengesyorkan supaya dititikberatkan sungguh-sungguh tentang pelajaran akhlak ini.

Yang kedua, hendaklah dititikberatkan sungguh-sungguh tentang pelajaran agama.

Selain daripada itu dimestikan pelajaran-pelajaran yang dapat mereka menjalankan kerja-kerja kehidupan seperti pertukangan, jahitan dan lain-lain kerja yang sesuai dengan mereka haruslah dibanyakkan lagi dan sebaik-baiknya apakala anak-anak ini hendak dilepaskan daripada tempat tahanan pihak Kementerian yang berkenaan ataupun Penguasa di asrama itu hendaklah berkira dan berusaha untuk mencari pekerjaan kepada mereka ini. Misalnya dengan membuat perundingan dengan pihak kompeni-kompeni, syarikat-syarikat supaya orang-orang ini ditempatkan menjadi pekerja di syarikat-syarikat yang berkenaan kerana

dengan yang demikian, maka daripada dalam tahanan tadi mereka boleh bekerja di tempat-tempat yang tertentu dan kalau ada sedikit-sebanyak perasaan untuk membuat kelakuan yang tidak senonoh ini maka dengan sendirinya hilang kerana mereka dapat pekerjaan dan dapat pendapatan dan ini mendatangkan perasaan puas hati di kalangan mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengingatkan kepada Menteri Kebajikan Am tentang keadaan di bandar kita iaitu di Ibu Kota ini. Saya dapati masih banyak pengemis-pengemis berkeliaran dan kurang menyenangkan. Kalau kita berjalan di tempat-tempat ramai, tempat-tempat yang sesak, maka kita dapati orang-orang membaca ayat-ayat suci, meminta sedekah dengan membawa alat-alat ataupun duit kecil (shilling) meminta belas kesihan daripada orang yang lalu-lalang di situ. Saya rasa sepatutnya di bandar-bandar seperti ini tidak ada lagi orang-orang yang menjalankan aktiviti meminta sedekah ini, kerana kita ada Kementerian yang khas dan undang-undang pun ada yang melarang daripada meminta sedekah secara begitu.

Saya ingin mengingatkan supaya tindakan-tindakan yang lebih berkesan diambil agar peminta-peminta sedekah ini tidak berkeliaran di bandar-bandar khususnya di bandaraya ataupun di Ibu Kota kita ini, kerana kalaulah pelawat-pelawat luar negeri ataupun pelancung-pelancung luar negeri berjalan melihat keadaan-keadaan bagaimana bandaraya Ibu Kota Malaysia, ramai peminta-peminta sedekah, sedangkan orang-orang di negeri-negeri jiran kita mengatakan bahawa Malaysia adalah negeri yang makmur, negeri yang senang dan mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup di semua bidang, tetapi apakala mereka datang ke sini maka didapati banyak peminta-peminta sedekah dan kepada mereka tentulah mengatakan kurang senang dan dianggap bandar yang tidak baik kerana ramai peminta-peminta sedekah. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian sungguh-sungguh hal ini untuk menyinggikan imej bandaraya kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan lagi masalah orang-orang tua yang sekarang ini ingin mendapat bantuan daripada pihak Kementerian yang berkenaan yang setahu saya kebanyakan di antara mereka hanya mendapat \$10 bantuan daripada pihak

Kementerian yang berkenaan. Saya rasa bantuan seperti ini terlampau sedikit. Saya minta supaya bantuan kepada orang-orang tua, orang-orang yang tidak ada suami yang tua, bukan yang muda, haruslah dibanyakkan sedikit iaitu dengan memberi sekadar lebih kurang \$20 ataupun \$25 sebulan kerana \$10 sekarang terlampau sedikit, hanya boleh membeli tiga gantang beras sahaja dan ini tidak termasuk gula dan kopi lagi. Oleh kerana sekarang ini harga barang sudah mahal, maka haruslah bantuan kepada orang-orang tua ini dibanyakkan sedikit. Itulah sahaja pandangan saya, terima kasih.

3.38 ptg.

Tuan Azahari bin Md. Taib (Kulim Bandar Baharu): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dibahaskan dalam Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am ini.

Pada pendapat saya asrama ataupun rumah tahanan budak-budak ini bukan sahaja perlu ditubuhkan di Kota Kinabalu, tetapi bila kita melihat perkembangan dan bagaimana keruntuhan akhlak jenerasi muda kita sekarang, rumah-rumah asrama yang seumpama ini haruslah ditubuhkan di tiap-tiap negeri dengan sokongan dan kerjasama daripada badan-badan masyarakat, kerana masalah ini ialah satu masalah sosial yang besar, yang mengancam keutuhan angkatan muda kita pada masa yang akan datang, dan saya juga percaya bahawa tanggungjawab ini tidak patutlah kita serahkan kepada Kementerian Kebajikan Am semata-mata. Ini kerana berpunca timbulnya masalah bertambah ramainya budak-budak jahat atau budak-budak yang rosak akhlak ini adalah berpunca dalam masyarakat kita sendiri, iaitu daripada kerosakan rumah-tangga, atau golongan anak-anak yang tidak mendapat kasih sayang ibu-bapanya dan makin bertambahnya drop-out anak-anak sekolah kita dan juga suasana di sekitar masyarakat kita. Dengan sebab itu, Kerajaan haruslah menjadi satu pelupur pula, kerana saya rasa kebanyakan budak-budak yang keluar ini adakah betul-betul berguna dan boleh menjadi anggota masyarakat yang baik dan adakah Kementerian ini telah menyiasat betul-betul bahawa budak-budak yang keluar dari rumah-rumah asrama tahanan ini telah kembali kepangkuan masyarakat dan telah menjadi anggota masyarakat yang baik? Kalau kejayaan itu merosot atau tidak

sampai kepada tujuannya, saya percaya tentulah kajian harus dibuat tentang bentuk pelajaran atau mata pelajaran yang sedang diberikan kepada budak-budak ini supaya mereka menghadapi masalah kenyataan hidup yang sebenar-benarnya bila mereka masuk balik ke pangkuan masyarakat.

Saya pernah dengar, Persatuan Membantu Banduan-banduan yang keluar dari penjara memang telah digalakkan oleh Kerajaan beberapa tahun yang lalu, tetapi sepanjang yang saya tahu, tidak berjaya. Banyak banduan-banduan yang keluar penjara, patah balik ke penjara, kerana kemudahan-kemudahan di penjara adalah lebih baik dari luar penjara. Sekurang-kurangnya seminggu sekali dapat makan daging kambing atau lembu, wayang gambar dan sebagainya. Dan lebih teruk lagi pegawai-pegawai dan Pejabat Kebajikan Masyarakat atau Pegawai-pegawai Daerah atau pegawai-pegawai yang masuk yang menjadi anggota cergas dalam Persatuan Membantu Banduan-banduan merayu pada syarikat-syarikat swasta supaya mengambil banduan-banduan ini bekerja. Mereka merayu supaya orang ramai, syarikat, kilang-kilang mengambil banduan-banduan tersebut untuk bekerja, tetapi dalam Jabatan Kerajaan tidak mahu terima banduan-banduan ini. Ini saya rasa yang meruntuhkan kepercayaan ahli-ahli perniagaan atau syarikat-syarikat swasta hendak menerima bekas banduan-banduan bekerja sedangkan Kerajaan sendiri tidak sanggup hendak menerima bekas-bekas banduan ini, apatah pula mereka hendak masukkan bekas-bekas pick-pocket, pencuri dan sebagainya.

Berbalik kepada masalah budak-budak ini juga, saya rasa Kerajaan haruslah sesudah melatih dan yakin tentang kebolehan mereka kembali ke pangkuan masyarakat, Kerajaan sendiri mengambil mereka ini sepertimana Kerajaan telah ambil orang-orang buta di mana mereka itu dilatih menjadi telephone operator, typist dan sebagainya. Kerajaan sendiri mengambil inisiatif mengambil mereka ini dalam Jabatan-jabatan Kerajaan atau badan-badan yang separuh Kerajaan. Dan ini tentu menggalakkan swasta mengambil mereka menurut jejak Kerajaan. Pada budak-budak yang nakal ini, kalau sudah dilatih, pihak badan-badan berkanun patutlah mengambil dahulu sebagai contoh kepada pihak-pihak swasta bagaimana boleh budak-budak yang nakal itu dapat kita bentuk, supaya menjadi anggota masyarakat yang

baik. Dan ini tentu akan menjadi satu pertolongan dan tidak akan sia-sia sekolah-sekolah atau bilik-bilik tahanan atau asrama-asrama yang kita gunakan untuk mereka itu. Saya berharap Kementerian yang berkenaan ini, kalau telah ada, baiklah menyasat betul-betul budak-budak nakal yang keluar dari asrama-asrama dan dari sekolah-sekolah yang disebutkan ini, ke mana mereka itu pergi. Adakah mereka balik kepada asal? Kalau budak-budak itu memang sudah dahulu nakal, sudah dilatih setahun atau dua tahun, memang ada peluang banyak mereka itu balik jadi jahat, kerana kita nampak ada anak-anak orang-orang yang pandai, yang mengaji, anak-anak orang yang ada duit, yang berkelulusan tinggi, tetapi mereka menjadi anggota masyarakat yang merosakkan masyarakat itu sendiri. Jadi tentulah masalah ini dapat dikaji dari satu masa kesatu masa supaya dapat mengatasi masalah-masalah ini.

Bagaimanapun, saya ingin menegaskan seperti yang saya katakan tadi bahawa masalah ini bukanlah masalah Kerajaan semata-mata. Masalah ini ialah satu social problem, satu masalah sosial iaitu tanggungjawab masyarakat sendiri, kerjasama dari Kerajaan, baharulah masalah ini dapat diatasi dengan baiknyanya.

3.47 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua terhadap wang perbelanjaan yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Saya bersetuju apa yang disebutkan oleh kedua-dua wakil tadi apabila mereka menyatakan budak nakal yang pergi ke rumah tahanan perlu dilatih dalam satu bidang yang mereka boleh menggunakan apabila mereka lepas dari rumah tahanan itu. Tetapi apabila mereka keluar dari rumah tahanan itu, malangnya seperti yang disebutkan oleh kedua-dua wakil baharu sebentar tadi bahawa mereka tidak dapat kerja dan pada pendapat saya Kerajaan perlu memberi contoh kepada pihak swasta kalau Kerajaan boleh mengambil mereka untuk menjadi tukang kayu umpamanya atau tukang paip, atau mereka tidak mahir di dalam apa-apa bidang, mereka boleh diambil sebagai buruh kasar, kalau sekiranya mereka diterima oleh Kerajaan sendiri, maka pihak swasta boleh mengikutnya.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Menteri yang berkenaan tentang wang yang diutangkan kepada Kementerian. Ini berhubung dengan pecahan-kepala 1 (vi) bengkel untuk orang-orang cacat Selangor. Peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah \$675,000 tetapi wang yang digunakan atau sedang digunakan cuma \$400,010 sahaja. Ini bermakna ada baki sebanyak \$275,000 lagi. Apa yang saya hendak mendapat penjelasan dari Menteri yang berkenaan ialah adakah Kementerian ada rancangan untuk membina sebuah rumah bengkel lagi untuk orang-orang cacat, atau wang ini Kementerian tidak ingin menggunakan di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tuan Pengerusi, pada pendapat saya Kerajaan atau Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am perlu membina atau mengadakan sebuah bengkel lagi, (dua-tiga buah bengkel lagi) untuk orang-orang cacat oleh sebab kita sedar tiap-tiap hari ada kemalangan, dan ada orang tangan tidak ada, kaki tidak ada, tulang besar di belakang putus dan mereka tidak boleh berjalan, kalau cacat seperti ini ada bengkel yang mereka boleh belajar satu-satu pekerjaan, maka mereka boleh menjadi anggota yang baik untuk masyarakat.

Saya berharap Menteri yang berkenaan boleh memberi penjelasan yang lengkap dan sempurna tentang baki wang sebanyak \$275,000 yang ada di bawah peruntukan ini.

3.51 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian Kebajikan Am dan di samping itu saya suka menyentuh beberapa perkara untuk pandangan Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa tidak ada seorang pun yang suka hendak membuat jahat ataupun tidak ada seorang pun yang suka mencuri, atau tidak ada seorang pun yang suka hendak menjual maruahnyanya, tetapi dengan sebab-sebab dan perkara-perkara yang tidak boleh dielakkan oleh mereka. Jadi kita dapati mereka ini telah membuat perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh masyarakat. Boleh dikatakan 90% daripada orang-orang ini ialah orang yang mempunyai penyakit otak, ataupun

orang yang mempunyai latar-belakang yang tidak begitu baik yang telah mendorongkan dia membuat perkara-perkara yang saya katakan tadi. Jadi di dalam Kerja-kerja Kementerian ini menjaga dan melatih orang-orang yang telah membuat kejahatan ataupun perempuan-perempuan yang telah ditangkap, selalunya kita dengar di hotel-hotel itu, hendaklah diadakan pusat-pusat latihan di mana psyciatrist ataupun doktor jiwa boleh memperbaiki dan memupuk jiwa orang-orang yang buat jahat ini supaya pulih seperti kita. Kalau hanya diberi latihan fizikal sahaja tetapi tidak diberi latihan jiwa, maka kalau pun dia dilepaskan daripada Pusat-pusat Latihan itu, dia balik juga di jurang-jurang asal-usul mereka yang telah buat sebelum mereka dimasukkan ke dalam Pusat-pusat Latihan itu dahulu. Saya juga berpendapat bahawa Pusat-pusat Pemulihan, terutamanya pusat-pusat pemulihan bagi wanita hendaklah digalakkan banyak lawatan-lawatan daripada pihak orang-orang luar, kerana saya tahu kebanyakan daripada wanita-wanita yang ditangkap itu ada yang cantik-cantik. Kalau digalakkan lawatan-lawatan dari luar terutama pemuda-pemuda atau askar-askar, boleh masuk ke Pusat-pusat Pemulihan itu berjumpa, bertemu; boleh jadi berpanjanganlah perhubungannya itu. Dan boleh jadi juga dapat wanita-wanita yang sedang dibaiki itu menjadi suri rumah-tangga dan akan masuk balik kepada masyarakat dengan sempurna.

Saya juga berpendapat bahawa banyak pengemis-pengemis ataupun peminta-peminta sedekah sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lebih dahulu daripada saya tadi, di pekan-pekan yang besar di Kuala Lumpur ialah kerana mereka ini tidak suka dimasukkan ke dalam Pusat-pusat Pemulihan, kerana mereka anggap Pusat Pemulihan itu ialah macam satu jel dan tidak ada kebebasan. Tetapi kalau Pusat-pusat Pemulihan ini dibuat di tempat-tempat, di daerah-daerah di mana saudara-saudara mereka senang melawat, ada kebebasan, maka saya percaya peminta-peminta sedekah ini, pengemis-pengemis ini lebih suka lagi dipelihara dan dijaga, tidak susah-payah berembun, berpanas dekat tepi-tepi jalan, di pangkal-pangkal jambatan. Di samping itu juga barangkali hendaklah Kementerian Kebajikan Am bekerja rapat lagi, adakan koordinasi yang baik lagi dengan pihak Polis supaya orang-orang ini dapat diambil,

bukan ditangkap, diambil dengan cara baik dan dibawa ke pusat-pusat itu.

Saya juga berpendapat bahawa ada banyak di negara kita ini badan-badan kebajikan sukarela, umpamanya, Pure Life Society dan sebagainya, yang telah membuktikan kerja-kerja dan usaha-usaha yang baik yang telah dibuat oleh mereka untuk membantu kerja-kerja kebajikan. Adalah wajar bagi Kementerian Kebajikan Am untuk menggalakkan lebih lagi badan-badan ini dengan cara bukan sahaja moral, tetapi dengan cara pertolongan bantuan kewangan dan sebagainya, kerana Badan-badan ini saya tahu, misalnya Pure Life Society, berjalan dan mentadbirkan Pusat mereka di situ dengan derma-derma yang mereka perolehi daripada kita semua. Kalaulah ada orang yang belas kasihan dapatlah derma, maka kerja-kerja itu akan terus-menerus dijalankan tetapi kalaulah mereka ini atau badan-badan ini dapat peruntukan khas diberi bukan kepada semuanya, tetapi badan-badan yang membuktikan kerja-kerja baik mereka, maka saya fikir, ini adalah satu cara dan jalan, badan-badan yang sukarela itu boleh membantu kerja-kerja Kementerian Kebajikan Am.

Saya juga menyokong pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Ahli-ahli yang lain berkenaan dengan pusat-pusat melatih orang-orang cacat. Di sini saya nampak ada kekurangan, kerana pusat-pusat itu tidak begitu banyak diadakan dan saya harap dengan adanya peruntukan tambahan yang saya percaya akan diluluskan itu dapatlah Kementerian Kebajikan Am menggiatkan lagi pusat-pusat untuk melatih orang-orang cacat itu.

3.58 ptg.

Tuan Racha Umong (Limbang-Lawas): Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Selasa 5hb November di dalam Dewan ini yang mana mengatakan mengenai pembangunan dan kemajuan negara kita Malaysia telahpun melangkah jauh maju dan sedang mara lebih maju lagi di masa hadapan, iaitu di dalam segala bidang ekonomi dan perpaduan rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, cuba tumpukan kepada Kementerian Kebajikan Am.

Tuan Racha Umong: Ya. Tuan Pengerusi, di samping itu saya suka memberi laporan berkenaan dengan kawasan saya Limbang dan Lawas.

Tuan Pengerusi: Ini berkenaan dengan kebajikan, kerana kita hendak luluskan peruntukan \$10 sahaja bagi Kementerian Kebajikan Am. Jika hendak minta sesuatu untuk Limbang atau di mana berkenaan, Kebajikan Am bolehlah.

Tuan Racha Umong: Kerana di kawasan Lawas dan Limbang tempat-tempat di dalam kawasan itu adalah jauh-jauh belaka. Dari-pada bandar Lawas ke Ulu ke Bekelalan adalah lebih kurang 80 batu. Penduduk-penduduk rakyat kita di sepanjang-panjang jalan itu adalah mempunyai masaalah yang susah hendak mengeluarkan barang-barang atau berjual-beli ke bandar, sebab mereka tidak mempunyai jalanraya. Saya ingat di negeri Sabah sebahagian daripada Malaysia, kalau tidak salah ingatan saya dari bandar Kota Kinabalu ke Ranau lebih kurang 100 batu. Saya kesihan melihat penduduk-penduduk kita di dalam kawasan yang tersebut kalau hendak menjual apa-apa hanya berharap dengan kapalterbang. Kapal-terbang itu sangat kecil iaitu MAS yang boleh muat passengernya hanya 8 orang sahaja. Kalau kurang orang baru dapat membawa beras ke Lawas.

Tuan Pengerusi: Saya fikir dengan sebab jauh, payah hendak menjalankan perkhidmatan kebajikan!

Tuan Racha Umong: Ya. Kalau berjual naik kapalterbang, ongkos tambangnya besar. Kalau harga beras itu \$1 di Ulu kalau sampai ke Lawas dijual dengan \$2 tambangnya seringgit, itu tidak ada untung apa-apa—rugi seguni untung sekarang!

Tuan Pengerusi: Di sana belum ada kawalan harga beras lagi.

Tuan Racha Umong: Dengan sebab itu, perlulah kalau ada pihak yang berkenaan memberi lebih peruntukan wang untuk Limbang—Lawas dan sebagainya yang jauh-jauh di darat-darat itu supaya dapat membina jalan. Mungkin Menteri yang berkenaan

berfikir kalau membuat jalanraya yang sebegitu jauh memakan belanja yang lebih besar, tetapi walaupun begitu asal dibuat sedikit demi sedikit lama-lama jadi bukit—akhirnya sampai sana.

Tuan Pengerusi: Jalanraya kalau sudah jadi bukit, bagaimana? (*Ketawa*).

Tuan Racha Umong: Jalan dari Lawas ke Bakalala supaya orang-orang dan penduduk-penduduk kita di sepanjang jalan itu dapat bercucuk-tanam, berkebun sebelah-menyebelah, kerana tanah mereka subur, tetapi sayangnya mereka itu duduk dengan tidak dapat hasil apa-apa.

4.04 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong wang \$10 (tanda) untuk Kementerian Kebajikan Am. Sebelum saya melanjutkan suka saya menarik perhatian Menteri yang berkenaan, pada pendapat saya, ada baiknya tajuk perkataan Rumah Tahanan Budak-budak atau Kanak-kanak itu ditukarkan dengan satu nama yang sesuai. Kalau dinamakan Rumah Asuhan atau Rumah Pendidikan saya rasa adalah sejajar dengan kehendak dan maksud tujuannya. Kalau kita kekalkan dengan keadaan nama yang sedemikian, itulah sering kali yang kita dapat tahu kanak-kanak yang keluar daripada tempat itu masih lagi berdegil dengan nakalnya. Mungkin kalau dengan nama yang baik itu, nama Rumah Asuhan atau Rumah Pendidikan ada kemungkinan kenangan nama baiknya, jasa baiknya dan kanak-kanak itu tidaklah akan mensesiakan segala pendidikan atau ajaran yang diterimanya dari sekolah itu.

Rumah kanak-kanak ini memanglah satu perkara yang penting. Pada fahaman saya bukan sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja, iaitu mengadakan satu dua jenis bengkel selama masa mereka itu ditahan secara hukuman, tetapi ada baiknya diteruskan segala pendidikan dan asuhan supaya mereka itu benar-benar bertukar kepada masyarakat yang baik. Oleh itu, ada baiknya diperlengkapkan, diberi segala kemudahan di dalam dan di luar kawasan sekolah itu sepertimana adanya di sekolah-sekolah yang pada kanak-kanak yang lain-lain.

Selain daripada itu, adalah sangat penting pendidikannya dan pengasuhannya mestilah dengan penuh pengalaman sepertimana dikatakan oleh sahabat saya Ahli dari Kuala Selangor tadi, iaitu bukan sahaja diberi latihan physical akan tetapi juga latihan jiwa sangatlah mustahak diberikan. Dengan cara itu, saya rasa berkesanlah sekolah atau rumah kanak-kanak itu untuk maksudnya seperti yang kita kehendaki, dan ini mungkin boleh dapat mengurangkan perkara-perkara social problem pada masa akan datang.

Selain daripada itu, memang sudah sewajarnya Kementerian Kebajikan Am ini mengambil perhatian berat supaya kalau boleh menghapuskan langsung pengemis-pengemis yang boleh mencemarkan nama baik negara kita terutama di dalam Wilayah Persekutuan ini yang mana lazimnya didapati, terutama pada Bulan Puasa dan pada masa-masa keramaian. Kerana negara kita begitu megah dengan kemewahannya dengan segala serba-serbi, maka ada juga lagi pengemis-pengemis yang boleh dapat dilihat oleh orang luar.

4.09 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya mohon mengambil peluang bercakap di bawah Kepala P. 62 dan saya menyokong supaya perbelanjaan tambahan sebanyak \$10 bagi Kementerian Kebajikan Am ini diluluskan di dalam Dewan ini.

Saya cuma hendak menyebut, berkaitan dengan ada perkara-perkara yang patut mendapat perhatian dari pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, iaitu saya suka lah membangkitkan satu kejadian bencana ribut besar yang telah berlaku pada 26-10-74 di dua buah kampung iaitu Kampung Gong Pasir, Kampung Air Puteh di dalam Mukim Kerandang di Daerah Besut. Bagi saya kejadian ini adalah merupakan satu bencana besar sungguhpun bencana itu tidak mendapat publisiti yang sewajarnya kerana barangkali tempat kejadian itu tersorok dan tertutup kepada Pemberitapemberita Akhbar sehingga berita itu saya tidak ternampak keluar di dalam mana-mana akhbar. Saya sendiri telah diberitahu dan saya telah melawat kawasan itu, sepintas lalu saya dapati lebih daripada 25 buah rumah yang terlibat dan ada empat buah rumah yang terus langsung ranap ditimpa oleh

pokok-pokok besar dan kejadian itu bagi saya adalah sungguh dahsat dan bagi kampung yang berkenaan itu, itulah kali yang pertama kejadian sedahsat itu. Empat buah rumah musnah samasekali ini ditimpa oleh pokok-pokok besar kerana ribut yang datang pada hari itu begitu kuat sekali sehingga keadaan kawasan yang dilalui oleh ribut itu selebar lebih kurang 1,500 ela dan jauhnya lebih kurang satu batu setengah hingga dua batu boleh dikatakan seolah-olah macam kawasan orang-orang menebang huma. Pokok-pokok durian yang satu pemelok, dua pemelok besarnya tumbang dan saya merasa terperanjat, Tuan Pengerusi, kerana masalah ini tidak mendapat publisiti dan tidak mendapat perhatian yang serta-merta daripada Kementerian yang berkenaan.

Apabila saya melawat ke kawasan yang berkenaan, saya dapati beberapa keluarga miskin yang ditimpa oleh bencana ini menumpang tidur di rumah-rumah sahabat handai mereka dan memasak makanan di bawah pokok-pokok kayu pada masa keadaan selepas beberapa hari rumah mereka ditimpa ribut itu. Saya percaya sehingga sekarang pun keadaan mereka itu dalam kesusahan dan saya yakin sehingga hari ini makin bertambah sukar.

Perkara ini telah dilaporkan dengan secara rasmi oleh Penghulu mukim yang berkenaan kepada pihak Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Besut dan saya sendiri telah membawanya di dalam Majlis Tindakan Daerah, tetapi saya mendapat tahu dengan secara tidak rasmi daripada Pegawai Kebajikan yang berkenaan bahawa pihak Jabatan Kebajikan Am ini tidak dapat memberi bantuan-bantuan kepada mereka ini dengan serta-merta kerana mereka tidak mempunyai peruntukan yang sepenuhnya dan begitu juga Kementerian ini tidak dapat memberi bantuan-bantuan gantirugi terhadap kehilangan harta-harta mereka seperti pokok-pokok tanaman, pokok-pokok buah-buahan, pokok-pokok getah yang tumbang yang dipukul oleh ribut yang tersebut itu. Saya sebagai Ketua UMNO Bahagian Besut telah mengarahkan Biro Kebajikan UMNO Bahagian Besut supaya membuat laporan rasmi dan menyiasat dalam perkara ini dan laporan itu telah disiapkan dan akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Saya menyeru supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian di dalam kejadian ini dan memohon

supaya bantuan serta-merta diberi kepada keluarga-keluarga terutama keluarga-keluarga miskin yang ditimpa oleh bencana itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka lah menyentuh sedikit di dalam soal rumah bagi orang-orang tua. Sungguhpun Anggaran Tambahan ini sebanyak \$10 sebagai tanda yang dikatakan oleh Yang berhormat Menteri yang berkenaan itu untuk rumah kanak-kanak, tetapi saya rasa ada kaitannya jika saya menyebut di sini bagi rumah untuk orang tua-tua. Jadi masalah rumah orang tua ini saya rasa setakat ini digunakan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia ini dari keturunan bukan Melayu. Orang-orang tua Melayu saya rasa sukar hendak dibawa mereka supaya tinggal bersama-sama di rumah bagi orang-orang tua ini. Ini saya rasa masalah yang patut dikaji dan diberi perhatian oleh Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Kebajikan Am ini. Bagi saya, saya rasa sangatlah perlu bahawa orang-orang Melayu juga, keluarga-keluarga Melayu juga memberi perhatian di dalam perkara ini dengan meletakkan orang-orang tua mereka di rumah-rumah yang dikhaskan bagi orang-orang tua ini, kerana di dalam zaman pembangunan ini di mana dikehendaki keluarga-keluarga Melayu, keluarga-keluarga bumiputra bergerak cergas di dalam segala lapangan, mereka dikehendaki berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain umpamanya untuk menyertai rancangan-rancangan pembukaan tanah untuk mengambil bahagian di dalam perdagangan dan perusahaan dan sebagainya, tetapi orang-orang tua yang ada di dalam satu-satu keluarga itu pada hari ini bagi saya sedikit-sebanyak menjadi halangan kepada keluarga-keluarga Melayu yang hendak berpindah dan hendak mengambil bahagian cergas di dalam pembukaan-pembukaan tanah terutama sekali. Jadi saya rasa, patutlah orang-orang tua yang ada di dalam satu-satu keluarga Melayu itu diberi peluang supaya tinggal di dalam rumah-rumah yang disediakan bagi orang-orang tua. Tetapi caranya barangkali untuk menarik supaya orang-orang tua dari keturunan Melayu ini sanggup menyertai rumah orang-orang tua ini tentulah terpaksa kita menggunakan cara-cara yang berlainan daripada cara-cara yang dijalankan sekarang. Umpamanya, rumah-rumah yang disediakan bagi orang-orang tua itu tidak sepatutnya kita namakan rumah orang-orang miskin kerana ini menunjukkan

satu tempat yang tidak begitu dipandang mulia barangkali oleh masyarakat. Ini menyekat kemahuan daripada orang-orang tua kita Melayu menyertai atau memasuki rumah-rumah seumpama itu. Rumah-rumah yang disediakan untuk orang-orang tua ini sepatutnya biarlah berhampiran sekurang-kurangnya dalam satu daerah diadakan satu supaya banyak kemudahan-kemudahan yang boleh diberi terhadap peserta-peserta yang menyertai atau yang menjadi penghuni rumah orang-orang tua itu. Tempat-tempat ibadat yang sempurna untuk rumah itu hendaklah disediakan dengan sempurnanya dan diadakan pengajaran agama umpamanya di rumah tersebut dan diadakan aktiviti-aktiviti agama yang boleh menggalakkan supaya orang-orang tua yang tinggal di rumah-rumah tersebut dapat membuat ibadat mereka dengan sempurna, dengan lebih kuat daripada biasa dan begitu juga kemudahan-kemudahan lain seperti layanan, makan dan sebagainya hendaklah diberi secara sempurna. Kemudahan untuk keluarga, sahabat handai mereka yang hendak datang melawat hendaklah diberi dengan semudah-mudahnya, dibuka dengan seluas-luasnya.

Dan saya rasa jika kemudahan seumpama itu diberi dan jika taraf rumah orang-orang tua itu dinaikkan sehingga tidak disifatkan sebagai rumah bagi orang-orang miskin, saya rasa lambat-laun dengan penerangan-penerangan yang cukup dan kempen-kempen secara besar-besaran, saya rasa kita dapat menarik orang-orang tua daripada keturunan Melayu dapat tinggal sama di dalam rumah yang disediakan untuk orang-orang tua itu. Dengan cara itu barangkali keluarga-keluarga Melayu sebagaimana yang saya kata tadi dapatlah mengambil bahagian yang cergas di dalam zaman pembangunan ini, dapatlah mereka menumpukan sepenuh tenaga mereka sehari-harian untuk mencapai kemajuan di zaman pembangunan ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

4.21 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): (*Dengan izin*) I will be very brief, Mr Chairman, Sir. Firstly, I support this token sum of \$10 to be given to this Ministry. It shows that the Government at least has not forgotten this Ministry.

Mr Chairman, Sir, indeed, any allocation of funds to this Ministry has got my support. We should, in fact, be working towards some sort of welfare State. More and more money should be expended to bring about a welfare State. As we progress industrially and economically, there will be a lot of people who will drop out from the mainstream of the development of our country and these unfortunate people will have to be helped by the Government and by the various Departments. The good work of the Ministry should not be belittled. However, I must say that very little is known of these Homes—Detention Homes or Welfare Homes—run by the Ministry. Therefore, I suggest that the Ministry should invite the peoples' representatives—the various State Assemblymen and Members of Parliament—to visit these Homes, so that the peoples' representatives can, in appropriate cases, recommend certain people to be admitted into these Homes. Moreover, people like us do not know the qualifications of the persons who are supposed to be admitted into these Homes. So, if we do not know the basic qualifications for admission and so on and so forth, then we will not be able to assist the Ministry in doing some welfare work.

Secondly, Mr Chairman, Sir, I would strongly suggest that the Ministry should conduct a survey as to the effects of gambling that is going on in the country. The Government, in its eagerness to raise revenue for the country, has encouraged all sorts of gambling in our country. The Government has legalised "3-digit" and "4-digit" gambling, and indeed, the Government may in the future, legalise "5-digit" gambling. We have got, of course, a casino set up in the Genting Highlands, and I understand the Government may approve another casino somewhere on Pangkor Island. Now, these gambling dens, are they doing a good job for the country? What effects have these gambling dens made to the very fabric of our society? I think the Ministry should conduct a survey as to the effects of gambling on our society; otherwise all the good work of the Ministry will be negated by the effects of gambling. Homes have been broken up by those people who gamble. Since Genting Highlands is nearby, about 30-odd miles away from Kuala Lumpur, a lot of our clerks, lawyers and professional people go up to Genting Highlands to gamble, and fortunes have been lost,

and as a result, children are neglected. So, the Ministry, if it has really the interest of the people at heart, should try to co-ordinate with the other Departments and with the other Ministries, and minimise the effects of gambling, and in fact should try to discourage the Government from encouraging all sorts of gambling.

4.25 ptg.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I support this motion to provide a token sum of \$10 for the Ministry of Welfare Services. The important thing to remember is that a child becomes a delinquent because he has lost his self respect; so does an adult and any amount of detention will not change him; any amount of other training will not change him. It is the mind, Tuan Pengerusi, that we must look into. Moreover, the society which we live in is not co-ordinated when treating him. When a man is found to be a delinquent, he is arrested by the Police, he is being charged in the court and sentenced, and he goes to the Detention Home. There is no proper detailed record kept to show the progress that he has been through, and when he is charged again the next time, it is not the same Magistrate who deals with him, it is a different man altogether—all that the new Magistrate has obtained is the record that he was sent to a Home. Beyond that, there is no other detailed record kept of the poor chap as to how he reacted while in detention and so he goes in and out of prison time and time again.

Tuan Pengerusi, I think the time has come for us in this House to suggest to the Ministries concerned a system whereby the Police, the Prison, the Welfare Department and the Judiciary all will co-ordinate as one body, so that the prisoner or a delinquent child could go through the process of being assessed by the same group of persons. If a child has committed an offence for the second time, the next time he must appear before the same Magistrate the same Correction Officer if possible; or we must produce the detailed record from the prison. But as far as I know, from my past experience, the records of prisons are so vague that they do not convey anything useful about the child delinquent's reaction to the treatment given. There is no training of the mind given. The most important thing to remember in the case of a

delinquent child or a man who has committed a crime, is that his mind is at fault, he cannot conform to society laws and practices.

The Japanese conducted a seminar on penology in Japan. A very eminent American penologist came along to give a talk, and the subject he selected was, "How to make the Japanese prisons more profitable". From throughout the country, 298 Japanese Commandants of Prisons came to attend the Conference with the sole aim of finding out how to make the prisons more profitable. In Japan, they do make full use of the prisoners, of their occupational capability, and most of the electronic firms employ them for the purpose of line assembly. When it was apparent that the theme of the talk was not one of making prisons more profitable, all these Camp Commandants were disappointed, because the speaker was aiming at how to make the Japanese prisons more profitable in the mind, not in terms of money. So, Mr Chairman, Sir, the important thing that we have to attend to today is to make sure that in whatever Detention Homes that we have, we should have psychiatrists to change the inmates' attitude. It is no use giving them training in carpentry, etc. in order to change them, without changing their mind.

Another thing that is happening in all the Detention Homes is bullying. There is far too much of bullying in these Detention Homes, with the result that a timid boy who is charged in court and goes to the prison or a detention home, where he is being bullied and later he learns how to become a bully himself. We are now sending a child who has committed an offence to the Home. I think it is wrong. I think we should send him back to his parents, or have a new system whereby if a child is found delinquent, he should be adopted by someone who can care for him. There are some homes where the parents have no time for their children. A system could be established in all the Detention Homes whereby boys or girls from normal schools who are capable of looking after them, can adopt them. A system of "big sisters" or "big brothers" could be introduced whereby a child who is delinquent could be adopted by a class of boys in the school, and this class of boys will take corrective measures to ensure that this boy who is delinquent will become a non-delinquent in time to come.

What we want to do, Mr Chairman, is to ensure that a child delinquent is looked after, not in training only, but also in the change of his mind towards society. Unless a change of mind is effected, we are not likely to succeed, and no matter how much money we spend we are not going to succeed. There are more people who are delinquent outside, and those who have committed crimes but they have not been caught. So I think we should treat these people who are inside with some sympathy. Very often a discharged prisoner is never cared for. Very little help is given to him. He has a sick mind and he cannot find employment and even in Government Service we are not prepared to accept him. We are putting a stigma on to a member of the society who had done something wrong which may be through no fault of his own but because the laws of the country are such that he carries this stigma throughout his life.

In conclusion, Mr Chairman, Sir, I would advocate that a new system should be adopted whereby we will be able to co-ordinate all the various departments when we want to treat a delinquent child or a delinquent person or a criminal; otherwise we would go back to the same circle of having people moving in and out of prison all the year round and we mark them as hardened criminals. There is no such thing as a hardened criminal, but there is such a thing as a soft spot in the heart of the poor chap which we can kindle with some kindness and he will change.

4.31 p/g.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, adanya peruntukan secara token ini membenarkan kita memikirkan berbagai-bagai pendapat berkenaan dengan Kementerian Kebajikan Am tetapi bagi pihak saya sendiri saya suka hendak menumpukan kepada perkara yang khusus, iaitu berkait dengan usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am untuk kebajikan ataupun untuk mengatasi soal-soal yang dihadapi oleh kanak-kanak yang biasanya dipanggil "delinquent" ataupun memerlukan sesuatu usaha untuk mengatasi kecenderungannya.

Yang saya tertarik sungguh ialah kerana Kementerian yang asalnya bercadang hanya mengadakan sebuah asrama dan sebuah

rumah tahanan di Sabah, sekarang sudah mengambil keputusan untuk menambah dan memperbesarkan tempat itu sehingga ia juga menjadi satu sekolah akhlak.

Di sini saya suka menyokong dengan sekuat-kuatnya satu cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang bercadang supaya elok kiranya Kementerian Kebajikan Am mengadakan satu mesyuarat (briefing) di mana semua Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di Negeri masing-masing dapat berpeluang diberitahu dengan diberi ceramah atau taklimat dan belajar ambil tahu apa yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am ini serta juga menyaksikan segala usaha yang dijalankan. Saya berkata demikian kerana boleh dikatakan Kementerian ini biasanya dianggap sebagai "Cinderella" ataupun "Cenderela" dalam bahasa Melayu—selalu ketinggalan di belakang macam anak tiri, kerana ianya selalu dikaitkan dengan orang miskin, orang cacat. Pendeknya jikalau ada segala sifat yang cukup tak payahlah diambil peduli oleh Kementerian Kebajikan ini; cuma orang yang cacat, orang yang tempang, orang yang buta, orang yang kelam, orang yang bisu, orang yang pekak, orang yang rosak, pendeknya yang kekurangan serba-serbi inilah orang yang menjadi tanggungjawab Kementerian ini. Sebab itu bolehlah kadang-kadang dianggap dia itu tidak menguntungkan, tidak mendatangkan profit seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera tadi.

Inilah sebabnya barangkali kita semua tidak mengambil begitu berat dan tidak juga tahu apa-apa yang sedang dibuat dan diusahakan oleh Kementerian ini. Saya terasa begini sebab saya sendiri telah bercerai dari Jabatan Kebajikan ini lebih kurang 20 tahun. Asalnya saya sendiri seorang Pegawai Kebajikan dihantar belajar, berlatih menjadi Pegawai Kebajikan. Jikalau saya sekarang berkata sepatah dua ialah untuk merengankan kewajipan Yang Berhormat Menteri yang saya fikir sangat berat nanti untuk menjawab ataupun menerangkan beberapa perkara yang telah dibangkitkan walaupun dalam masa setengah jam atau satu jam, kerana dalam perkara istilah pun kita sebut, kita campur adukkan soal penjara dengan soal sekolah, dengan soal asrama, soal tahanan, soal itu dan soal ini. Itu tidak

disalahkan siapa-siapa, sebab ini perkara khusus, iktisas, professional. Begitu juga kalau seorang engineer menggunakan perkataan khusus untuk sesuatu maksud, bagi kita yang bukan engineer mungkin erti tetapi boleh juga keliru maknanya lain. Begitu juga kalau seorang ahli economist menggunakan satu istilah, orang biasa yang mendengar, fahamannya lain dari apa yang dimaksudkan.

Perkataan sekolah akhlak, rumah tahanan, ini rasanya diterjemahkan secara kasar, secara senang, secara tidak betul-betul cermat tentang penggunaan bahasa. Kalau diterjemahkan perkataan "remand home" kepada "rumah tahanan," pada penggunaan biasa barangkali lebih kurang, akan tetapi pada fikiran umum sudah tidak berbeza "rumah tahanan" daripada "house of detention" pada hal remand home itu ialah remand home, house of detention is house of detention, akan tetapi dalam Bahasa Malaysia sekarang digunakan rumah tahanan. Kalau semua orang pandang ini sama seperti penjara juga—tidak salah. Saya tidak salahkan siapa-siapa, tetapi inilah soal yang perlu barangkali kita adakan penerangan, taklimat (briefing) supaya kita faham apa yang sedang dijalankan dengan usaha oleh Kementerian Kebajikan Am ini. Saya juga hairan kenapa ditukar nama menjadi "kebijakan am" yang dahulunya "kebijakan masyarakat". Saya harap ini juga diambil perhatian kalaulah ada kesempatan kelak untuk memper-timbangkan semula nama jabatan ataupun nama Kementerian ini berbalik kepada asal dan dijadikannya Kementerian Kebajikan Masyarakat—itu asasnya masyarakat, bukan am. Kalau am, beginilah jadinya.

Soal sekolah akhlak ini elok kita memperingankan diri kita ialah cuma satu sahaja cara yang dijalankan, mengikut undang-undang, oleh Kementerian Kebajikan Am sesuai dengan undang-undang Juvenile Court Ordinance ataupun undang-undang yang membuat peraturan tentang cara-cara bagaimana kita melayani seseorang kanak-kanak yang melakukan satu-satu kesalahan akan tetapi dianggap barangkali terlalu muda, dan tak patut dihantar ke penjara dan sebagainya.

Begitu juga barangkali kita mesti asingkan mereka daripada Sekolah Henry Gurney bagi mereka yang meningkat umur lebih tinggi sedikit, tetapi juga dianggap masih muda dan tak patut masuk ke penjara.

Penjara itu penjara, Henry Gurney School itu Henry Gurney School, approved school itu approved school. Kenapakah misalnya sekolah yang di Melaka itu dinamakan Henry Gurney School? Ini soalnya yang timbul. Approved school, kalau diistilahkan dalam Bahasa Malaysia bererti sekolah yang dipersetujui, yang dibenar, yang diakui.

Kita juga telah ikut contoh di beberapa buah negeri lain dengan menggunakan "Approved School" beberapa lama dahulu dan oleh sebab memerlukan satu perkataan bahasa kita menterjemahkannya; Sekolah Akhlak. Ini juga saya fikir patut dikaji semula oleh Kementerian pada asasnya, sebab beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pendapat dan fikiran bahawa oleh sebab seseorang telah berada di sekolah ini menjadi satu perkara yang mencemarkan imejnya yang akhirnya barangkali ditolak sana-sini tidak diterima, tidak diberi kerja dan sebagainya. Oleh sebab inilah sistem di beberapa buah negeri tidak mahu memberikan nama yang boleh mendatangkan cacat kepada seseorang kanak-kanak yang sudah berlatih di sana. Dia dinamakan sekolah "approved", yang dibenarkan, yang diiktirafkan, yang diakui—itu sahaja. Tidak dikatakan sekolah budak jahat, sekolah budak salah, atau sekolah untuk membetulkan akhlak—tidak, semata-mata sekolah yang dianggap oleh pihak yang berkuasa, sebuah sekolah yang sesuai untuk menghantar seseorang kanak-kanak yang didapati bersalah dan tidak dapat dilayan dengan jalan-jalan yang lain. Memang ada jalan-jalan yang lain seperti dihantar balik ke sekolah, ke rumah sendiri, dihantar ke lain tempat, diadakan "probation service" dan sebagainya, memang ada. Jadi saya ingat konsep ini mesti kita tentukan dengan terang, nama sekolah ini pun patut kita timbangkan semula supaya kita dapat mengatasi perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi supaya tidak ada cacat, tidak tercemar, tidak ada terkikis dan selamanya digantung di lehernya: "Aku ini ialah keluaran daripada sekolah akhlak ataupun sekolah orang jahat". Tujuan kita menghantarkan kanak-kanak itu ke sekolah approved school semacam ini ialah supaya mereka dapat peluang dibentuk semula sebagai kanak-kanak yang biasa. Kalau dia sudah tidak dapat peluang di lain tempat

atau keluarganya tidak dapat bantu dia, di situ yang kita hendak bentuk dia supaya keluar menjadi rakyat yang biasa.

Di sini saya suka mengambil kesempatan, saya tidak tahulah ada juga orang yang menyatakan salah itu, salah ini, kekurangan itu, kekurangan ini, akan tetapi dari segi professional, dari segi ditilik, ditimbang daripada pelajaran dan perhatian saya sendiri dan selepas mendapat peluang melihat usaha-usaha yang semacam ini di 3-4 buah benua di dalam dunia ini, saya suka menyatakan di sini bukan kerana hendak menyenangkan hati sahabat dan kawan saya Yang Berhormat Menteri dan juga kawasan-kawasan saya yang masih ada di dalam Kementerian Kebajikan Am akan tetapi dari segi objektif, iaitu perkhidmatan untuk kanak-kanak yang tidak dapat dalam negeri kita ini termasuk perkhidmatan approved school dalam Malaysia ini boleh dikatakan satu perkhidmatan yang boleh menjadi contoh untuk semua negeri di rantau Asia Tenggara ini dan boleh dikatakan menjadi contoh untuk negeri di lain-lain benua juga termasuk negeri-negeri yang sudah berkemajuan, yang sudah industrial, yang sudah begitu pesat kemajuannya di lapangan material.

Keduanya, saya suka hendak menegaskan bahawa kalau ada orang yang menyangka bahawa orang yang pergi ke sekolah semacam ini tidak ada begitu baik ataupun tidak dapat kehidupan yang sempurna, susah barangkali kita hendak sebutkan nama-nama orang. Akan tetapi barangkali untuk mereka yang tahu sejarah dan tahu susunan sekolah semacam ini tidak dapat dinafikan bahawa antara bilangan Jeneral-jeneral dalam negara kita boleh juga saya tunjukkan seorang dua yang biasa melalui sekolah ini. Dan saya juga boleh, dengan secara sulit, kalau sesiapa mahu, berikan beberapa nama budak-budak yang sudah melalui sekolah ini, yang sudah dapat pelajaran sekolah tinggi, yang sudah dapat kerja yang baik-baik, yang sudah mengambil tempat di dalam masyarakat yang boleh dikatakan tidaklah kurang taraf dan kebolehannya. Ini yang penting iaitu kalau sistem ini kita hendak biarkan mahulah kita tapis daripada asal.

Saya suka sebagaimana yang disebutkan oleh beberapa orang tadi kalau dapat kita memperbaiki sedikit misalnya kalau dapat kita adakan ahli pakar psychology, ahli

pakar psychiatrist, kalau ada terdapat pusat-pusat klasifikasi di mana kanak-kanak itu dapat dipilih dan dapat diadakan sekolah-sekolah khusus yang ada kelebihan ataupun yang ada specialisation yang boleh menerima berlain-lainan jenis daripada kanak-kanak ini. Akan tetapi sistem yang semacam ini sungguhpun baik untuk amalannya barangkali susah, kerana ini bergantung kepada ada cukupnya bilangan sekolah, ada cukupnya segala kelengkapan dan kakitangan. Sebab itulah saya katakan tadi bahawa saya rasa sangat gembira dan lagi sebuah sekolah jenis ini dapat dibentuk di Sabah dan dengan adanya tambahan begini boleh barangkali kita mengadakan sistem yang lebih moden, yang lebih scientific yang lebih berkesan.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyebut, kalau boleh. Saya meminta Kementerian Kebajikan Am mengambil berat berkenaan dengan teguran-teguran mengenai kanak-kanak atau krisis-krisis yang akan dihadapi oleh kanak-kanak kita khususnya pada masa yang kita akan menghadapi gelora perubahan dengan kemajuan yang tercapai dalam Dasar Ekonomi Baru, dengan adanya banyak perpindahan manusia daripada kawasan ke kawasan, dengan adanya perumahan baru, dengan adanya kawasan pembangunan baru, dengan adanya hijrah orang daripada kampung ke bandar. Ini akan mendatangkan suatu gelora yang lebih hebat, di mana lebih ramai lagi kanak-kanak kita akan menghadapi segala masalah yang dihadapi dan yang menyebabkan mereka terpaksa menghadapi mahkamah, terpaksa dihantar ke sekolah-sekolah semacam ini. Dan dengan adanya pula unsur-unsur dari luar, rambut panjang, hippie, dadah dan sebagainya, saya kesal yang oleh sesuatu sebab Kementerian Kebajikan Am yang dahulunya diberi kewajipan juga menguasai soal pemuda-pemudi dan sebagainya sekarang tidak lagi menjaganya sebab ada Kementerian lain yang menjaga kepentingan kebudayaan, belia dan sukan. Tetapi sebagaimana kata saudara saya Ahli dari Bukit Bendera tadi perkara semacam ini tidak dapat diatasi oleh usaha satu Kementerian sahaja, barangkali terpaksa beberapa Kementerian yang bersangkutan membentuk badan-badan kerjasama, badan-badan perunding berbagai Jawatankuasa ataupun badan-badan yang boleh menimbangkan dan mengadakan langkah-langkah yang sesuai untuk menghadapi dan untuk mengatasi

soal-soal yang akan kita hadapi dengan lebih dahsyat lagi daripada keadaan yang kita hadapi pada masa yang lalu.

Tuan Pengerusi: Saya akan benarkan seorang sahaja lagi iaitu yang akhir. Selepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawabnya. Ahli-ahli Yang Berhormat ada peluang bercakap panjang lagi dalam perkara kebijakan pada minggu hadapan.

4.49 *ptg.*

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I wish to support the additional vote to the Ministry of Welfare Services and I have got one or two observations to make.

The first one, I would say, is the increased menace of begging in the City of Kuala Lumpur to which I hope Yang Berhormat Menteri would give attention. Although the population of beggars is considered very small in the City of Kuala Lumpur, the positions they obtain every morning to carry out their "profession" are very identifiable. Begging, as I said, is becoming a profession now in the City of Kuala Lumpur. The range of beggars and their ages vary from five months old up to 55 years old. You could see them at every post in the shopping centre in Kuala Lumpur, especially in front of the shops. I was wondering as to what sort of action is being taken to get rid of these beggars who are putting up a very bad and shabby show especially to the tourists who are coming to see the beauty of our country. In Jalan Mountbatten and Jalan Tuanku Abdul Rahman especially, you would see about 50 to 75 beggars every day, and I hope the Minister will give serious consideration to this and will do something to get rid of these beggars from Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, these people start as beggars at the age of 5 but slowly develop to be thieves at the age of 15. We are putting up institutions to train the bad people to be good, but every morning I see two or three aged women training the boys to beg, to steal and to be pick-pockets. This has become a daily show in some parts of Kuala Lumpur and I hope something concrete would be done to alleviate this.

The second point I would like to make here to Yang Berhormat Menteri is the question of allowances to the old folks. At the

moment, I appreciate that the Ministry is giving \$15 per person to those unfortunate people in the Old Folks' Homes and to those who are in very poor circumstances, but I think, Tuan Speaker, Sir, during these days of high inflation, \$15 per month for a person would not be sufficient and I wish and hope that the Honourable Minister will consider increasing this aid from the Government.

The third and last point I would like to make here is with regard to the additional Old Folks' Home and the provision of reading and entertainment facilities for them. I hope that there will be Government supervision on all the Old Folks' Homes to see that the health and other conditions of the Old Folks' Homes are maintained to the required standard. That is all for the moment, Sir.

4.52 *ptg.*

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu ramai dan begitu berminat nampaknya untuk menimbulkan berbagai perkara berkenaan dengan Kementerian Kebajikan Am. Di atas pandangan-pandangan itu Kementerian saya akan mengambil perhatian dan di mana juga tindakan boleh dijalankan kita akan jalankan, dan di mana juga perkhidmatan yang boleh diperbaiki Kementerian saya akan cubalah memperbaiki lagi mana-mana syor yang baik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada menimbulkan masalah latihan dan pelajaran yang diberikan di sekolah-sekolah latihan akhlak ini tidak memberi kesan dan tidak memberi bekas, maka di sini suka saya menerangkan iaitu mengikut kajian yang telah dibuat mengenai sekolah-sekolah akhlak yang ada ini menunjukkan sebanyak 85% daripada budak-budak yang keluar daripada sekolah ini telah berjaya iaitu tidak lagi melakukan jenayah. Yang disebutkan barangkali oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu hanyalah sebahagian kecil daripada anak-anak yang dilatih di sekolah latihan akhlak ini.

Tentang pelajaran agama pula sukacitalah saya menerangkan iaitu di sekolah-sekolah ini pelajaran agama memang dititikberatkan dan bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat pihak Kementerian Kebajikan

Am menganjurkan juga pertandingan membaca Quran di tiap-tiap kali Bulan Puasa, dan pernah di satu masa dahulu salah seorang anak daripada sekolah latihan akhlak ini dapat hadiah yang pertama.

Mengenai pekerjaan pula, budak-budak dari sekolah latihan akhlak di Sungai Besi misalnya ada dihantar bekerja di bengkel-bengkel di Kuala Lumpur seperti di Bengkel MARA di Datuk Keramat iaitu untuk belajar dan seterusnya mereka bekerja di sana. Tidak benar samasekali anggapan kalau adanya latihan-latihan yang ada dalam sekolah ini tidak berfaedah dan tidak berjaya. Itu adalah saya rasa anggapan yang salah dan tidak betul.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru ada menyebutkan iaitu tanggungjawab berkenaan dengan budak-budak jahat ini tidaklah patut dibebankan kepada Kerajaan sahaja. Ini saya sangatlah bersetuju kerana di Kementerian saya juga seperti Ahli Yang Berhormat itu ada cadangkan supaya diadakan penyiasaan, sukaulah saya menyatakan pihak Kementerian ini ada mempunyai suatu Research Division yang sentiasa mengkaji dan menyiasset tentang kerja-kerja yang dibuat dan begitu juga tentang apa juga latihan-latihan yang sudah dijalankan.

Selain daripada itu, ada lagi ditimbulkan juga masalah pengemis dan masalah pengemis ini ada lagi beberapa orang Ahli yang lain yang menimbulkan masalah yang sama, maka di sini sukacitalah saya menerangkan iaitu masalah pengemis ini pada hari ini seperti yang disebutkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat, sudahpun menjadi satu profession dan pada pendapat saya selagi orang ramai beri kepada pengemis-pengemis ini selama itulah pengemis-pengemis ini akan berkembang. Apa yang saya harapkan, Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat menyarankan kepada orang ramai supaya janganlah memberi sedekah kepada mereka ini, tetapi patutlah juga saya sebutkan iaitu satu perkara yang kita ketahui ada kalanya di hari Jumaat misalnya, memang ada orang yang mencari pengemis ini untuk memberi sedekah. Kerana itulah masalah pengemis ini tidaklah dapat dibasmikan dengan sepenuh-penuhnya walaupun pihak Kementerian saya mengadakan

satu Pusat Pemulihan Pengemis misalnya di Mersing, dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ada berminat hendak menengok bagaimana Kementerian ini cuba menyelesaikan masalah pengemis ini, saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat cuba melawat ke Mersing, Johor. Maka di situlah kita ada tempatkan pengemis-pengemis ini supaya mereka jangan mengemis, tetapi malangnya mereka itu lari dan terus lagi mengemis. Kenapa mereka mengemis? Kerana dapat duit.

Tuan Pengerusi: Ahli yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi ada menyebutkan hendak menengok Pusat-pusat Pengemis. Ini adalah satu daripada pusat pengemis yang boleh ditengok.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru, iaitu berkenaan budak-budak yang dilatih ini minta diambil bekerja oleh Kerajaan dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya percaya menimbulkannya. Sukacita saya menerangkan di sini bahawa pihak Kerajaan juga ada mengambil budak-budak ini bekerja. Begitu juga Kementerian Kebajikan Am sendiri ada mengambil mereka bekerja.

Atas masalah yang sama juga, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada menyebutkan iaitu pihak Kerajaan katanya hendaklah menunjukkan contoh supaya mengambil budak-budak ini bekerja; pihak Kerajaan sudahpun mengambil budak-budak ini bekerja, mana yang ada kebolehan dan kelayakan. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu sendiri kerana beliau itu ada juga boleh menggunakan pekerja, bolehlah mengambil anak-anak daripada sekolah akhlak ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu berkenaan dengan wang yang dikatakan telah digunakan kepada yang lain, sukaulah saya menerangkan di sini, malangnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu tidak ada di sini, semalamipun beliau menimbulkan masalah yang sama, iaitu harga bengkel untuk orang cacat Selangor ini sebanyak \$672,000, \$50,000 sahaja yang dipinjamkan untuk buat

sementara waktu, iaitu untuk membolehkan dibesarkan rumah pembinaan sekolah akhlak di Sabah.

Jadi dengan ringkasnya pembinaan bengkel Rumah Orang-orang Cacat Selangor itu tidaklah terjejas sama sekali dan tender pun telah dikeluarkan supaya pembinaan bengkel orang-orang cacat ini dapat diteruskan.

Tuan Pengerusi, selanjutnya suka saya menerangkan iaitu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berkenaan dengan mengadakan doktor jiwa untuk anak-anak yang dilatih ataupun yang dipulihkan akhlaknya ini. Di sini saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan beliau itu dan pihak kita akan memberikan pertimbangan sekiranya ada psychiatrist yang mencukupi maka tentulah kita sudah lama mengadakan psychiatrist yang cukup, tetapi malangnya saya rasa psychiatrist inilah yang sangat kurang dalam negara kita walaupun di hospital-hospital masih lagi memerlukan psychiatrist. Beliau juga menimbulkan tentang masalah pusat pemulihan orang-orang cacat ini untuk diperluaskan lagi. Maka di sini suka saya menerangkan bahawa pihak Kementerian saya memanglah menyambut baik cadangan seperti ini dan pihak Kementerian saya juga akan mempergiatkan lagi perkhidmatan ini dan akan dilaksanakan di tahun-tahun hadapan dengan adanya tambahan peruntukan yang akan diperolehi.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada apa-apa yang dapat saya jawab berkenaan dengan masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Limbang-Lawas, tetapi saya akan mengambil perhatian apa juga kebajikan yang patut diberi dan dipertimbangkan kepada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Limbang-Lawas tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ada menimbulkan masalah nama dan bukan Ahli Yang Berhormat itu sahaja malahan beberapa orang Ahli yang Berhormat yang lain pun saya percaya telah menimbulkan nama Remand Home ini sebagai rumah tahanan adalah katanya tidak sesuai. Di sini suka saya menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, bahawa kita sebutkan rumah tahanan ataupun sekolah akhlak ini hanyalah

di dalam belanjawan iaitu untuk menjelaskan Remand Home, tetapi rumah kita ini ada nama masing-masing, iaitu ada yang dinamakan seperti Taman Seliaan, Rumah Budak Laki-laki Cheras misalnya, dan tidaklah langsung dinamakan rumah tahanan ataupun yang merupakan sekolah akhlak, ataupun yang membayangkan apa yang terkandung di dalam tujuan-tujuan mengadakan rumah tersebut. Dan sekali lagi saya suka menegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini, iaitu kalau kita sebut rumah tahanan bermakna hanyalah untuk kertas belanjawan ini sahaja supaya dapat difahamkan nama Remand Home, itu sahaja, tetapi nama rumah ini adalah diberi berlainan di antara satu rumah dengan satu rumah bukannya rumah tahanan itu sahaja termasuklah rumah orang-orang tua juga dan kita tidaklah namakan rumah orang-orang miskin dan sebagainya, tetapi dinamakan Taman Bahagia, Taman Sentosa seperti yang ada Taman Bahagia, Taman Kemumin dan sebagainya. Ini kita sesuaikan dengan keadaan tempatan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga ada menyebut berkenaan kelengkapan di sekolah-sekolah rumah tahanan ini. Sukacita saya menerangkan bahawa sekolah-sekolah yang diadakan itu ada disediakan kelengkapan-kelengkapan dan tidak ubahlah juga seperti sekolah-sekolah yang dibuat untuk anak-anak yang lain dan ini saya rasa salah seorang dari Ahli Yang Berhormat tadi ada menyebutkannya.

Saya suka menjelaskan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut iaitu berkenaan dengan bencana ribut yang dikatakan telah melanda sebuah kampung di Daerah Besut. Sukacita saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu bencana seperti ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Biasanya Kerajaan Negeri membuat permohonan kepada Kementerian saya sekiranya bantuan itu dipandang terlalu besar dan tidak ada kesanggupan daripada Kerajaan Negeri untuk memberikannya, dan setakat ini pihak Kementerian saya belum lagi menerima apa-apa rayuan atau permintaan dari Kerajaan Negeri Trengganu berkenaan dengan ribut besar yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya ada permohonan Kerajaan Negeri Trengganu, maka pihak Kementerian saya tentulah akan memberikan pertimbangan.

Satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut tentang adanya penghuni-penghuni dari rumah-rumah yang dikhaskan untuk orang-orang tua yang dhaif ini, kata beliau sebahagian besarnya adalah diduduki oleh mereka yang bukan Melayu sedangkan orang-orang Melayu enggan hendak duduk di rumah-rumah ini. Walau bagaimanapun, sukacita saya menerangkan bahawa di rumah orang-orang tua khas di Bukit Payong, Trengganu saya dapati ada juga orang-orang tua Melayu yang mahu tinggal di rumah orang-orang tua ini. Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan di dalam Dewan ini, rasa saya kita tidaklah patut menggalakkan orang-orang tua kita tinggal di rumah khas seperti ini, kerana ini akan menimbulkan satu keadaan yang menyedihkan kepada orang-orang tua itu di samping kebanyakan orang-orang tua yang tinggal di dalam rumah kebajikan ini merasa sedih dan sunyi, sebab itulah saya selalu menyeru kepada orang ramai supaya janganlah orang-orang tua ini ditinggalkan kesepian kerana tidak ada berjumpa dengan saudara-mara dan sebagainya. Dan dengan kerana itu bukanlah saya tidak menghargai syor dari Ahli Yang Berhormat itu, tetapi pada pandangan saya orang-orang tua ini seboleh-bolehnya biarlah duduk dengan keluarga mereka, kerana dapatlah mereka berserta dan bersama-sama dengan anak-anak cucu-cucu mereka. Kementerian Kebajikan Am ada memberikan bantuan sebanyak \$37 kepada orang-orang tua yang dhaif yang dapat ditumpangkan kepada mana-mana keluarga pun walaupun anak-anak dia, ataupun bukan anak-anak dia, iaitu untuk memberikan peluang kepada orang tua duduk bersama dengan keluarga dekat dengan jiran dan dekat dengan sahabat handai.

Tuan Pengerusi, kalaulah kita anggap kerana ada orang tua, anak-anak muda sekarang tidak boleh maju, tidak boleh dapat berkecimpung dengan masalah masyarakat, masalah ekonomi dengan pesat, ini rasa saya tentulah tidak begitu tepat kerana pada pendapat saya orang-orang tua ini adalah berkewajipan juga daripada keluarganya menengok sama contoh bagaimana keadaan di setengah-setengah negeri yang orang-orang tua semuanya diletakkan di rumah-rumah orang tua, adalah mereka ini merasa hidup sunyi, lengang dan tidak putusnya mereka merasa hidup dalam kesedihan walaupun

diadakan berbagai-bagai kemudahan untuk mereka.

Tuan Pengerusi, selanjutnya suka saya hendak menerangkan masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh iaitu membawa cadangan supaya orang ramai diberi peluang melawat Rumah-rumah Kebajikan. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya tiap-tiap Rumah Kebajikan ada Lembaga Pelawat iaitu Board of Visitors ataupun Board of Governors yang terdiri daripada orang-orang awam. Lembaga ini juga mengawasi dan menjamin dan juga memandangkan apa-apa yang perlu dan begitu juga menjaga kebajikan penghuni-penghuni di Rumah-rumah Kebajikan ini. Tambahan lagi suka saya menerangkan tiap-tiap tahun kebanyakan rumah-rumah ini mengadakan hari terbuka dan inilah peluang bagi orang ramai untuk dapat menengok apakah kegiatan-kegiatan yang mereka buat, apakah cara mereka menghabiskan masa lapang dan sebagainya. Tetapi malangnya kadang-kadang sambutan dari orang ramai sendiri tidaklah begitu menggalakkan, tiap-tiap kali kita membuat hari terbuka hanyalah barangkali golongan-golongan yang tertentu sahaja yang datang melawat ke Rumah-rumah Kebajikan ini.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera berkenaan dengan tidak ada rekod budak-budak dari Sekolah Akhlak, sebenarnya Kementerian saya menggunakan satu cara percubaan iaitu budak-budak ini diletakkan di bawah penyeliaan Pegawai Akhlak, kalau budak-budak ini terlalu nakal, barulah mereka dimasukkan ke Sekolah Akhlak. Jadi tiap-tiap budak-budak yang keluar dari Sekolah Akhlak adalah diseliah oleh Pegawai Akhlak, maknanya mereka ini diperhatikan oleh Pegawai-pegawai Akhlak bagaimanakah keadaan mereka dan dalam seliaan lanjutan ini, selepas itu barulah dapat ditentukan bagaimanakah mereka ini akan dapat pekerjaan dan sebagainya, dan begitu juga rekod-rekod mereka ini ada disimpan. Cadangan supaya Kementerian ini bekerjasama dengan pihak Polis, memanglah Kementerian Kebajikan Am ada bekerjasama, hanya barangkali cadangan-cadangan yang lebih baik daripada itu dapatlah juga disampaikan kepada

Kementerian ini sekiranya dapat kita gunakan untuk mendapatkan hasil yang baik lagi. Sukacitalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian saya sentiasa menerima apa juga cadangan yang baik asalkan dapat membaiki lagi anggota masyarakat yang sudah hilang kepercayaan kepada diri sendiri, yang boleh dikatakan mereka ini sudah tidak ada harapan untuk hidup dan mereka juga yang disebutkan oleh setengah Ahli Yang Berhormat tadi ialah mereka yang sudah cacat, mereka yang boleh dikatakan rohaninya sudah terjejas, mereka yang boleh dikatakan tidak ada merasakan dirinya mendapat pandangan dan kasih sayang daripada masyarakat. Jadi bukanlah psychiatrist sahaja yang kita perlukan dalam masalah ini, tetapi ialah kerjasama daripada masyarakat seluruhnya supaya dapat menerima mereka yang sudah cacat akhlak, cacat anggota, yang malang, yang sekarang ini dikelolakan oleh Kementerian Kebajikan Am ini dapat diberi perhatian dan diberi pertolongan.

Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang nampaknya beliau itu banyak mengetahui tentang kerja-kerja atau tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian ini. Beliau ada mencadangkan supaya diadakan taklimat termasuklah taklimat untuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Di sini sukacita saya menyatakan bahawa pada tahun yang lalu pihak Kementerian saya menjemput juga Parliamentary Group yang ada di dalam Kementerian saya ini, tetapi malangnya, dukacita saya menyebutkan di sini, iaitu hanya seorang sahaja yang hadir. Maka saya harap dengan adanya cara begini, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menaruh minat dan begitu juga memberi perhatian kepada masalah-masalah sosial yang semakin lama semakin berat di negara kita ini, agar dapatlah lagi pandangan-pandangan yang lebih baik dan lebih membina di masa hadapan untuk anggota masyarakat yang cacat ini.

Akhir sekali, berkenaan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Nampaknya sama juga dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu berkenaan dengan pengemis di Kuala Lumpur dan begitu juga dengan elaun atau bantuan kepada orang-orang tua yang dikatakan \$10. Berkenaan

dengan bantuan am ini, sukacita saya menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya jangan ditimbulkan lagi kekeliruan P.A. (Public Assistant) iaitu bantuan am wang yang kita beri itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Tiap-tiap negeri berlainan memberi peruntukan, ada setengah negeri itu banyak memberi peruntukan, ada yang setengahnya sedikit. Kepada negeri yang sangat sedikit menyediakan peruntukan am ini, kerana ramainya mereka yang meminta bantuan ini, maka terpaksa bantuan itu jumlahnya sangat kecil.

Pihak Kementerian saya telah memberi bantuan kepada keluarga yang miskin iaitu kepada anak-anak yang tidak ada berbapa misalnya, kepada janda yang ada ramai anak dan yang tidak dapat menolong dirinya, ini ada diberi peruntukan tidak lebih dari \$100 satu keluarga. Begitu juga kepada orang-orang tua yang dhaif kita berikan sebanyak \$37.50 sebulan. Ini adalah bantuan untuk memberikan sedikit kelegaan kepada keluarga tempat dia menumpangkan diri, maknanya \$10 bukanlah datang daripada Kementerian saya, tetapi itu adalah datangnya dari Kerajaan Negeri. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat di masa hadapan asalkan sebut sahaja bantuan am, hendaklah kita tahu daripada manakah datangnya bantuan ini, adakah daripada Kementerian saya ataupun daripada pihak Kerajaan Negeri, kerana Kementerian saya juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, setengah-setengah Pejabat Kebajikan Masyarakat ini adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Jadi dengan ini, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapatlah sedikit sebanyak penjelasan berkenaan dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan dan syor-syor yang baik berkenaan dengan Kementerian saya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk kepala P. 62 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1974)—

5.18 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Pengerusi, saya mohon kelulusan peruntukan tambahan bagi Kementerian saya di bawah Kepala P. 63. Penerangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini ada dinyatakan dalam Treasury Memorandum, Kertas Perintah No. 19 tahun 1974, P. 63 di bawah Pecahan-kepala 1, 2, 3 dan 6.

Saya mohon supaya peruntukan tambahan ini diluluskan.

Tuan Pengerusi: Sebelum saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, saya ingin hendak mengingatkan bahawa kita akan tamatkan perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) dan juga Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) pada hari ini juga. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

5.19 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya turut sama menyokong mengenai peruntukan tambahan Kepala P. 63 sebanyak \$40. Tetapi saya juga suka mencadangkan kalau dikehendaki lebih daripada itu, Dewan ini silalah luluskan juga, kerana masaalah yang kita sama-sama hadapi pada hari ini ialah masaalah gangguan lalu-lintas di jalanraya, khasnya yang berlaku di dalam bandar kita.

Saya tidak tahu kerana beberapa perkara yang telah berlaku, kerana Menteri Kesihatan tidak ada di sini, kalau Yang Berhormat itu ada di sini, boleh kita bertanya mengikut statistik berapa orang yang kena lemah jantung kerana gangguan jalanraya, kita tidak tahu.

Pertama sekali, membaiki jalan-jalan dalam Bandaraya ini ada ketikanya jalan-jalan itu telah dibina, cantik siapnya, misalnya, Jalan Kuching telah dibuka dengan resminya. Selepas dua tiga bulan sudah berlubang sana, berlubang sini motokar sudah tidak boleh berjalan dengan laju, sampai di satu tempat sudah tersekat. Apa yang kita tengok kadang-kadang itu apabila kita sedang membawa motokar sampai di satu tempat kita tengok ada papan tanda besar di situ J.T. (Jangan Tangkap). Apabila kita pergi dekat, rupa-rupanya Jabatan Talikom sedang membuat kerja, kemudian

begitu juga Jabatan-jabatan yang lain yang menjalankan kerja-kerja mengorek jalan, membuat longkang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, inginlah saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, tidak adakah penyelarasan antara Kementerian-kementerian dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan sewaktu membina jalanraya? Adakah perkara pembinaan jalanraya ini berasingan setelah dibina barulah dapat tahu benda itu tidak siap, korek balik, buat lubang balik dan sebagainya. Apa yang saya dapat tahu terutama sekali jalan-jalanraya yang menuju ke kawasan-kawasan perumahan yang sedang membangun misalnya, selalu berbangkit dan selalu berlaku pengorek lubang kerana memasang paip, memasang talipon, Lembaga Letrik Negara—ini sentiasa berlaku. Maka sebab itulah kita tengok jalan-jalanraya kita selalu keluar dalam akhbar gambar-gambar motokar tersekat. Ini kita tahu pada masa sekarang zaman inflasi, harga minyak petrol sudah bertambah mahal. Motokar hendak sampai ke Petaling Jaya sepatutnya tidak sampai 15 atau 20 minit, oleh kerana dengan traffic jam kadang-kadang sampai memakan masa 45 minit dan satu jam. Engine motokar itu berjalan juga, minyak habis.

Selain daripada itu kemalangan yang berlaku, kerana jalanraya negara kita yang sedang membangun, negara kita kaya, banyak anak-anak muda kita baru lulus lesen, dapat motokar, lari kuat-kuat dan ada ketikanya menempoh jalan-jalan yang berombak laut. Yang kita tahu laut berombak tetapi jalanraya kita pun ada ketikanya berombak juga—berlakulah kemalangan.

Tuan Pengerusi, gangguan jalanraya ini bukan sahaja berlaku di dalam bandar, bahkan ada ketikanya kalau kita keluar jalan ke arah ke utara dan selatan jalan besar, ada juga pada ketikanya kita mendengar traffic jam atau kita sendiri mengalaminya, iaitu masaalah pokok tumbang. Negara kita cuacanya tidak tentu, ada angin, ribut dan pokok-pokok selalu tumbang di jalanraya dan menghalang perjalanan kereta-kereta dan ada ketikanya pula jatuh ke atas kereta-kereta, dan ada separuh jalan-jalanraya itu kita tengok gelap, kerana daun-daun pokok getah itu menjadi bumbung. Jadi, dalam perkara ini inginlah saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah salahnya kita mengadakan

satu undang-undang iaitu kiri-kanan jalanraya itu hendaklah dibersihkan sekurang-kurangnya 40 atau 40 kaki sebelah-menyebelah supaya tidak ada pokok. Kalau ada pun pokok-pokok jatuh tidak menghalang jalanraya. Saya percaya sekarang kalau hendak tebang pokok-pokok getah itu boleh kita buat undang-undang, sebab harga getah pun sudah jatuh, maka tentulah tokeh-tokeh estet tidak marah.

Di dalam Kertas ini juga ada nampaknya berbangkit masaalah pembinaan jalan leboh raya Karak-Kuala Lumpur. Dalam perkara ini, ingin saya menarik perhatian Menteri yang berkenaan iaitu dalam perlaksanaan, pembinaan jalanraya ini kelak banyak melibatkan tanah-tanah kampung khususnya di kawasan Gombak dan Setapak, dalam kawasan saya. Saya masih ingat pada tahun yang lepas orang-orang kampung di kawasan ini mula-mulanya memberontak tidak mahu jalanraya itu menempuhi kampung-kampung mereka, kerana banyak mengambil tanah-tanah mereka dan tanah-tanah itu adalah tanah kepunyaan keturunan. Jadi berhempas-pulas Ketua-ketua Masyarakat dengan kerjasama Kerajaan Negeri memberi jaminan kepada mereka iaitu mereka akan mendapat ganti rugi yang sempurna apabila terlaksananya atau apabila Kerajaan hendak menggunakan tanah-tanah mereka untuk Lebohraya Karak-Kuala Lumpur ini. Jadi dengan sebab itu, saya minta kerjasama ataupun perhatian daripada Menteri yang berkenaan mengenai perkara ini supaya janji-janji yang tersebut ataupun yang telah dikatakan kepada mereka itu hendaklah di-sempurnakan.

Satu perkara lagi dalam pembinaan ini mereka ada juga susah hati takut-takut apabila dibuat lebohraya tidak ada jalan masuk ke kampung mereka, cuma ada di tengah-tengah itu penghalang (pembahagi) jalan itu. Jadi saya mintalah sewaktu hendak melaksanakan Lebohraya Karak-Kuala Lumpur ini mengutamakan supaya jalan masuk ke kampung-kampung mereka itu tidak terhalang dan juga oleh sebab kampung-kampung ini ialah kampung-kampung tua dan lama. Sewaktu kita membuat jalanraya ini kelak, janganlah lupa supaya mengadakan kemudahan lalu-lintas supaya perhubungan masyarakat di kampung-kampung ini tidak terputus, misalnya, mengadakan jejambat ataupun jalan di

bawah tanah, jalan yang mana mereka boleh melintas, kerana di situ banyak kanak-kanak. Di lebohraya ini tentulah kereta-kereta ataupun lori-lori yang berat-berat lalu dengan laju dan orang-orang kampung di situ, terutama sekali kanak-kanak dengan tidak biasa. Kita takut dengan terbinanya Lebohraya Karak-Kuala Lumpur boleh menimpa kemalangan kepada orang-orang kampung.

Tuan Pengerusi, pembinaan jalan-jalan tambahan ataupun membesarkan jalan di dalam Wilayah Persekutuan. Saya masih ingat dalam kempen pilihanraya Kerajaan telah berjanji hendak membesarkan jalan arah ke Pahang, sebab pada masa ini banyak kawasan-kawasan perumahan di sebelah Gombak di sana, tetapi belum juga lagi berjalan. Begitu juga kawasan Datuk Keramat, Jalan Gurney, orang banyak tidak tahu yang kawasan Datuk Keramat itu orang sangka masih lagi kawasan Datuk Keramat, tetapi yang sebenarnya telah ada lebih kurang dua tiga ribu buah rumah telah dibina di sebelah dalamnya yang dikatakan Taman Keramat dan ada kawasan perindustrian di situ. Tidak ada jalan lain semuanya masuk melalui Jalan Gurney. Dalam pada itu pula di Jalan Gurney itu terdiri Wisma Keramat yang mana lebih kurang lima Kementerian ada terletak di kawasan itu. Orang-orang semuanya masuk bertumpu di jalan pintu masuk di Jalan Gurney makin sehari makin sempit walaupun ada usaha untuk memperbesarkan, maka banyaklah berlaku traffic jam terutamanya waktu pagi dan petang. Jadi apalah salahnya supaya hendak melegakan lalu lintas di situ Kementerian yang berkenaan membina dengan segera iaitu dengan cara membuat viaduct supaya lalu-lintas di situ dapat berjalan dengan sempurna dan tidak merbahaya kerana sekolah-sekolah pun ada banyak di situ.

Satu perkara lagi di dalam pembinaan-pembinaan kampung-kampung baru dan kampung-kampung Melayu, saya mintalah Menteri yang berkenaan mengambil berat sedikit supaya membesarkan jalan-jalan dalam kawasan-kawasan ini. Misalnya juga saya beri contoh kawasan Datuk Keramat penduduk-penduduknya sekarang sudah lebih daripada 40 ribu orang tetapi jalannya masih lagi jalan yang sempit, pokok-pokok ada di situ dan lori-lori yang besar serta bas-bas masuk ke dalam jalan itu juga

kerana ada Bengkel MARA di situ. Ini menyebabkan beberapa kemalangan telah berlaku. Jadi saya meminta sangat kepada Kementerian yang berkenaan bekerjasama dengan pihak Bandaraya supaya cepat melaksanakan pembesaran jalan-jalan di kampung-kampung baru dan di kampung-kampung Melayu yang ada di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Pada akhirnya ingin juga saya hendak memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri masaalah perlaksanaan pembinaan jalan-jalan ataupun pembinaan yang dikatakan roundabout di dalam bandaraya kita ini. Saya dapati ada komen-komen daripada pelancung-pelancung yang suka datang melawat ke kawasan bandaraya ini. Misalnya roundabout di Jalan Sungai Besi. Pada tahun lepas mereka datang begitu keadaan katanya, tahun ini tidak berubah juga. Jadi saya tidak tahulah apa sebabnya. Saya cadangkan kalau kekurangan wang kita mintalah Dewan ini meluluskan beberapa juta supaya pihak Kementerian lekas melaksanakan dan tidaklah kita mendapat komen-komen yang tidak sihat seolah-olah apabila mereka bandingkan dengan negara-negara jiran, seolah-olah Kementerian Kerja Raya kita ini sangat lembab dan ada pula yang menuduh konon katanya pihak pegawai-pegawai di Kementerian ini sengaja melengah-lengahkan perlaksanaan atau hendak menyiapkan perkara itu supaya mereka dapat membuat kerja over-time, dapat lebih masa dan sebagainya.

4.34 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong Anggaran Pembangunan Tambahan di bawah Kepala P. 63 Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan. Di samping itu, saya mengambil peluang ini menyatakan bahawa kepada saya wang yang diperbelanjakan untuk mengelakkan lagi dan memperbaiki jalan-jalan dan jambatan-jambatan dalam negeri ini adalah seperti kata orang Inggeris, dengan izin Tuan Pengerusi, *good value for money*.

Saya berani mengatakan sungguhpun Ahli Yang Berhormat yang bercakap terlebih dahulu daripada saya tadi mengatakan ada jalan-jalan yang kurang elok dalam negeri ini, tetapi saya berani mengatakan bahawa pada keseluruhannya jalan-jalan dalam

negeri ini adalah tinggi standardnya bila dibandingkan dengan jalan-jalan di kebanyakan negeri-negeri lain.

Tuan Pengerusi, dalam kemajuan dan perkembangan ekonomi sesebuah negeri jalan-jalanraya adalah sebagai urat-saraf melalui mana darah ekonomi mengalir untuk kesihatan dan ketegapan ekonomi negeri itu. Saya bukanlah pakar dan mahir secara mendalam dalam hal ehwal ekonomi, tetapi saya berani berkata bahawa jika sekiranya kita hendak mencapai cita-cita dan hasrat Dasar Ekonomi Baru Malaysia, jalan-jalan yang baik dan elok dari pekan-pekan hingga ke seluruh cerok rantau negara kita ini adalah perkara yang tersangat penting.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Selasa yang lalu, Yang Berhormat itu ada menyebutkan bahawa setinggi-tinggi keutamaan akan diberi kepada daya usaha dan rancangan-rancangan menambahkan makanan dalam negara ini. Tuan Pengerusi, ini adalah satu dasar yang patut disanjung tinggi bukan sahaja dengan tujuan mengadakan padi dan beras dan makanan-makanan lain yang cukup dan tidak tinggi harganya bagi rakyat negeri ini, tetapi juga supaya dapat banyak lagi kerja-kerja yang boleh dibuat oleh orang-orang kita lebih-lebih lagi orang-orang di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk rancangan-rancangan demikian, untuk dapat rancangan itu dilaksanakan dengan baik dan sempurna jalan-jalan yang elok dan baik adalah perkara yang penting dan mustahak.

Saya suka juga mengambil peluang ini memberi sedikit pandangan dan oleh sebab saya mewakili satu kawasan luar bandar iaitu Padang Rengas boleh juga dianggap sebagai rayuan supaya pihak yang tertentu Yang Berhormat Menteri dan Kementerian memberi peruntukan kewangan yang lebih, lebih-lebih lagi untuk jalan-jalan di kawasan-kawasan luar bandar. Saya tahu jalan-jalan kelas satu belanja untuk membina atau membaikkinya lebih banyak daripada belanja untuk membina jalan-jalan di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi dengan kewangan yang sama, jikalau banyak jalan-jalan dibuat di kawasan-kawasan luar bandar lebih jauh lagi jalan yang boleh dibuat.

Tuan Pengerusi, kepada orang-orang kampung terutama sekali mereka yang tinggal

jauh ke dalam di kaki-kaki bukit, di kaki-kaki gunung dan di hujung-hujung sungai negeri kita ini walaupun jalan kelas dua dan bawah akan sangat-sangat dihargai selain daripada terpaksa berjalan kaki atau naik basikal berbatu-batu dapatlah mereka pada masa itu merasa naik bas ataupun kereta walaupun bukan motokar Volvo ataupun Mercedes. Dan lagi dapatlah mereka dengan lebih senang membawa keluar untuk dijual di pekan-pekan dan di pasar-pasar keluaran kebun-kebun mereka dan dengan itu boleh dapat harga yang baik. Selain daripada itu dengan adanya jalan-jalan yang elok dan baik sampai ke kampung-kampung di seluruh negeri kita ini dan cara-cara hidup orang-orang di tempat-tempat tersebut akan beransur berubah jadi lebih seimbang dan berpadanan dengan zaman yang moden dan berkemajuan. Kanak-kanak lebih senang pergi ke sekolah dan orang-orang di tempat itu berpeluang selalu berziarah dan meluncur ke kawasan-kawasan lain dan pekan-pekan besar yang lebih maju keadaannya daripada tempat-tempat mereka sendiri. Ini akan membawa kebaikan hanya kepada mereka dan akan berkuranganlah dalam negeri kita ini tempat-tempat yang terpencil dan terasing jauh dari arus pergerakan umum negeri kita menuju ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya ucapkan terima kasih dan menyokong tambahan peruntukan itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor diminta jangan panjang sangat berucap, sebab saya fikir elok kita tamatkan lebih kurang dalam masa 10 minit lagi supaya boleh kita bahaskan pula Kepala P. 64 kerana hendak ditamatkan pada pukul 6.15 atau 6.20 begitulah.

5.40 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan sebagaimana yang dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya dan di samping itu hendak membawa kepada pengetahuan Kementerian berkenaan beberapa perkara yang patut barangkali tindakan diambil.

Sungguhpun saya ketahui bahawa pembinaan jalanraya itu ada kalanya tanggungjawab Negeri, ada kalanya tanggungjawab Kerajaan Pusat, tetapi saya fikir kesemuanya

adalah tanggungjawab satu Kementerian iaitu Kementerian Kerja Raya. Saya lihat jalan-jalan yang telah baik diperbaiki jalan-jalan yang ada besar diperbesarkan iaitu jalan-jalan menuju ke arah-arrah rumah-rumah pembesar-pembesar dan VIP. Ada kalanya bila ditanya, mereka mengatakan ini adalah satu kerja re-surfacing. Sudah ada jalan yang baik misalnya, ditambah lagi 4-5 inci ditar lagi, walhal jalan-jalan terutamanya di luar bandar sangat tenat keadaannya. Kalaulah wang untuk re-surfacing jalan-jalan menuju ke rumah-rumah VIP itu digunakan untuk kegunaan jalan-jalan di luar bandar, maka barangkali ketenatan jalan-jalan di luar bandar itu boleh diatasi.

Saya suka menarik perhatian Kementerian tersebut kepada keadaan kawasan tempat saya iaitu Kuala Selangor. Barangkali baru-baru ini pihak Kementerian tersebut telah mendengar dalam satu minggu sahaja dua kemalangan yang dahsyat berlaku, sebuah motokar berlanggar di Jalan Ijok menyebabkan 5 orang telah meninggal dunia kerana keadaan jalan itu, yang bukan sahaja seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Setapak tadi, tetapi kalau kita membawa kereta betul-betul macam lagu "rock-and-roll". Jadi dengan demikian, saya katakan tumpuan hendaklah dapat diberikan kepada pembinaan jalan-jalan di luar bandar, bukan sahaja untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan berlaku, tetapi juga untuk kita memenuhi janji kita kepada rakyat di luar bandar, kerana di bandar kalau pun tenat, masih juga boleh digunakan dengan tidak begitu mendatangkan kerumitan.

Lagi satu jalan ialah jalan yang mustahak yang pada satu masa dahulu dibina tidak memandang kepada apa yang akan jadi kepada kawasan-kawasan dan tempat-tempat itu iaitu Jalan Puchong. Pada masa ini sebuah Hospital Tentera yang besar telah ada di situ. Selain daripada Hospital Tentera itu ada juga rumah-rumah pangsa yang digunakan oleh askar-askar iaitu barrack, dan sekarang ini jalan tersebut sudah digunakan bukan sahaja oleh kereta-kereta swasta, tetapi juga kereta-kereta askar dan pembangunan dan perkembangan di sini begitu pesat. Sungguhpun sudah beberapa kali rayuan dibuat, tetapi nampaknya Kementerian Kerja Raya tidak juga hendak mengambil apa-apa tindakan membaiki dan membesarkan Jalan

Puchong itu, pada hal kemalangan sering berlaku boleh dikatakan setiap bulan.

Saya suka juga menyentuh berkenaan pembinaan jalanraya iaitu pada satu masa dahulu saya ada dapat peluang berhubung dan bertukar fikiran dengan sebuah syarikat pembinaan dari Australia yang mengemukakan satu kertas kerja ataupun satu rancangan cara-cara baru membuat jalan di mana bahan-bahan daripada tempat kita hendak membuat jalan itu boleh digunakan tanpa kita menggunakan batu-batu dan sebagainya, tetapi bahan-bahan yang ada di tempat kita hendak membina jalan itu boleh digunakan dengan kita menggunakan satu alat iaitu alat yang portable boleh dibawa ke mana-mana pergi, dimasukkan alat-alat bahan di itu, maka boleh keluar bahan membuat jalanraya. Dengan cara itu, saya fikir lebih banyak kita dapat menyelamatkan wang dan jalan-jalan itu sudah dibuktikan boleh digunakan walaupun negara kita ini adalah negara yang setiap tahun beberapa bulan menghadapi musim hujan. Saya fikir elok Kementerian berkenaan berhubung dengan pihak-pihak tersebut, kalau hendak alamat syarikat tersebut saya boleh berikan. Sekiranya difikirkan wajar maka bolehlah cara-cara baru itu digunakan untuk kebaikan kita semua.

Saya juga suka menyentuh berkenaan dengan kesibukan jalan terutama dalam Kuala Lumpur, barangkali Kementerian telah sedar kerana perkara ini beberapa kali disebut, tetapi janganlah ditumpukan kepada Kuala Lumpur sahaja. Kita selalu memandang kesibukan di Kuala Lumpur sahaja, tidak memandang kesibukan di bandar-bandar yang lain. Kalaulah kesibukan Kuala Lumpur ini kita atasi, tetapi pekan-pekan lain yang sekarang ini baru hendak tumbuh dan membesar seperti Ipoh, Kelang, Seremban, tidak kita ambil peduli. Dalam masa tiga, empat dan lima tahun lagi pekan-pekan itu juga akan menghadapi traffic congestion macammua yang kita hadapi. Di Kuala Lumpur ini misalnya, saya dapat butir-butir ini daripada Jabatan Pengangkutan Selangor: di Kuala Lumpur sahaja ada 311,000 kereta dan 125,000 daripada angka itu kereta-kereta kecil (private). Angka tersebut kalau dibandingkan dengan tahun-tahun lampau tiap-tiap tahun bertambah 15%. Walhal bandar Kuala Lumpur hanya boleh menampung 30,000 kereta sahaja dan di dalam waktu-waktu di antara pukul 7.30-8.30 pagi ataupun 12.30 tengah hari

2.30 petang dan 4.30 petang, masa kakitangan pejabat keluar masuk, maka lebih kurang 4 kali ganda daripada angka itu semua kereta-kereta bertumpu di Kuala Lumpur. Saya mengetahui ada rancangan-rancangan yang kita dapat saksikan untuk membesarkan jalan Petaling Jaya-Kuala Lumpur-Seremban dan sebagainya. Kalau dibesarkan dengan mengadakan fly-over dan sebagainya, tetapi kalau jalan-jalan hendak masuk ke Kuala Lumpur ini masih juga keadaannya kecil, maka bottle-neck ini akan terus-menerus terjadi. Saya mencadangkan Kementerian berkenaan memikirkan di dalam menggunakan perbelanjaan yang mana dengan sukahati saya sokong untuk membesarkan jalan-jalan masuk ke Kuala Lumpur ini supaya mengelakkan bottle-neck itu.

5.49 ptg.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih atas pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di sini saya tidaklah ingin menjawab dengan panjang-lebar perkara-perkara yang telah dikemukakan itu, kerana kebanyakan daripada perkara ini saya akan menyentuh ketika membincangkan Budget. Dan saya akan menjawab dua-tiga perkara sahaja mana yang saya fikir perlu saya jawab setakat ini.

Pertama sekali Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menegur Kementerian ini yang mengatakan membuat ataupun menjalankan pekerjaannya dengan tidak ada penyelarasan dengan lain-lain Kementerian ataupun pejabat. Ini adalah tidak benar kerana sebenarnya Kementerian saya dan pejabat-pejabat yang ada di dalam Kementerian saya adalah sentiasa berunding dengan Kementerian ataupun pejabat-pejabat yang lain ketika menjalankan sesuatu pekerjaan tetapi disebabkan perkembangan itu tidak terjadi dalam sesuatu masa maka kadangkala pelaksanaan sesuatu pekerjaan itu tidaklah dapat dijalankan dengan serentak. Umpamanya jikalau satu jalanraya perlu diperlebarkan, maka pada ketika itu Lembaga Letrik Negara tidak ada perlu membina ataupun menambah bekalan yang ada pada waktu itu. Jadi pada waktu itu tidaklah perlu kita berunding dengan Lembaga Letrik Negara

apa yang mereka hendak buat pula, tetapi tidak berapa lama daripada itu sebuah kilang akan dibina ataupun apa-apa perkembangan yang diluluskan hendak dibuat dalam tempat itu, maka terjadilah yang pada satu ketika kita membina jalanraya dan tidak berapa lama daripada itu kerana benda ini kita belum envisage kita tidak tahu akan jadi atau tidak, maka terkenalah Lembaga Letrik Negara ataupun Talikom pula akan mengorek lagi balik jalanraya yang kita sudah bina. Jadi itulah sebabnya maka terjadi ataupun kelambatan bagi rakyat yang tidak begitu mengetahui masalah ini yang kita tidak ada penyelarasan iaitu kita tidak ada rundingan tetapi sebenarnya ini adalah disebabkan perkembangan iaitu tidak terjadi dalam satu ketika sahaja sebab kita payah menyelaraskan semua pekerjaan ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengatakan yang Jabatan Kerja Raya kita dalam negeri ini adalah sangat lambat (slow) melaksanakan kerja-kerja yang dibuatnya dari semasa ke semasa hingga mendapat teguran daripada pelawat-pelawat ataupun daripada orang-orang yang melawat ke negeri kita di sini. Ini sebenarnya, adalah tidak benar kerana untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun baru-baru ini kita telah mengalami begitu banyak masalah, umpamanya kekurangan bahan-bahan dan kenaikan harga barang-barang binaan, kita masih juga dapat melaksanakan kerja-kerja yang telah ditugaskan oleh Kerajaan kita kepada J.K.R. sebanyak lebih kurang 90% daripada yang kita telah tugaskan. Pada pendapat saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab saya adalah berpuas-hati dengan performance ini dan saya adalah memberi tahniah yang setinggi-tingginya kepada pegawai-pegawai dalam Jabatan Kerja Raya kerana performance mereka yang memuaskan hati itu walaupun terdapat ada kalanya ada sedikit-sedikit kelambatan, tetapi ini adalah kerana perkara-perkara yang kita tidak boleh elakkan sama sekali, maka itulah sebab kenapa ada juga kerja yang terlambat. Walau bagaimanapun saya sebagai Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan akan berusaha dengan seboleh-bolehnya dengan meminta kerjasama ataupun buah fikiran daripada sahabat-sahabat saya dalam Jemaah Menteri supaya dapat mencari ikhtiar lagi untuk mempercepatkan perlaksanaan segala kerja-kerja yang kita jalankan dalam negara kita ini supaya kita

dapat memberi apa-apa yang ditunggu-tunggu oleh rakyat daripada Kerajaan kita.

Berkenaan dengan teguran ataupun cadangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang mencadangkan supaya Kementerian saya meminta lebih banyak lagi peruntukan untuk membina jalan-jalan di luar bandar. Ini pada pendapat saya pada waktu ini tidaklah perlu kita minta lebih banyak lagi kerana pada pendapat saya Kerajaan adalah menguntukkan cukup banyak wang untuk membina jalan-jalanraya di luar bandar pada waktu ini. Apa yang saya maksudkan di sini memang boleh kita minta lebih banyak lagi tetapi disebabkan kita perlu memperseimbangkan semua perkembangan dalam negeri ini maka tidaklah pula kita dapat tumpukan semua wang itu untuk pembinaan jalanraya sahaja. Jadi itulah sebab saya katakan pada waktu ini sudah cukup peruntukan yang diberi kepada Kementerian saya, kerana dengan ringkas di sini kalau kita kira wang yang dibelanjakan untuk membina Lebohrya Timur-Barat daripada Grik ke Kuantan, itupun sudah memakan belanja yang beratus juta ringgit. Begitu juga jalanraya Kuantan-Segamat, Penggarang Highway dan begitu juga jalan-jalanraya yang lain di Sabah dan Sarawak adalah memakan belanja beratus-ratus juta ringgit kesemuanya. Daripada pandangan saya peruntukan untuk membuka kawasan yang baru ataupun jalan-jalan di luar bandar adalah cukup, tetapi boleh jadi apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah jalan-jalan kampung ataupun jalan-jalan di luar bandar ataupun feeder roads. Sebagaimana yang diketahui ini adalah dijalankan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dengan sedikit bantuan daripada Kerajaan Pusat juga menerusi pembangunan luar bandar. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan membawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri supaya perkara ini dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri pula.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang mengatakan Kerajaan adalah lebih mengutamakan pembinaan ataupun re-surface jalan-jalanraya kepada rumah-rumah VIP ataupun di bandar sahaja ini adalah tidak benar, kerana sebenarnya apa yang terjadi pada waktu ini kita hanya re-surface bila kita fikirkan perlu

dan juga kita mesti timbangkan yang jalan-jalanraya di bandar-bandar ini yang boleh jadi dengan secara kebetulan rumah-rumah VIP juga ada adalah mempunyai trafik yang tinggi, kereta-kereta yang banyak jadi perlulah pula kita perbaiki bila difikirkan perlu, tetapi kita tidak membina kalau tidak perlu. Pendek kata kita tidak ada membazirkan wang Kerajaan untuk membina jalan-jalanraya ini. Saya fikir itulah sahaja jawapan saya, Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40 untuk Kepala P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Kepala P. 64—

6.00 ptg.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan satu Anggaran Pembangunan (Tambahan) di bawah Kepala P. 64—Kementerian Kemajuan Tanah yang sekarang telah bernama Kementerian Tanah dan Galian yang berjumlah sebanyak \$1,929,010 bagi tambahan Kedua, seperti mana yang telah dijelaskan dalam Kertas Perintah Bil. 19 tahun 1974 diluluskan. Peruntukan tanda atau token vote sebanyak \$10 yang telah diluluskan daripada Simpanan Luar Jangka adalah dikehendaki bagi mewujudkan satu pecahan kepala baharu iaitu Pecahan-kepala 9 Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa Di Antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah.

Sebenarnya peruntukan sebanyak \$600,000 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan atas penentuan tanda-tanda Sempadan itu bagi tahun ini. Baki daripada \$10 diminta sebagai token tadi iaitu berjumlah \$599,990 akan diperolehi melalui pindah peruntukan dari lain-lain pecahan-kepala. Peruntukan sebanyak \$1,929,000 adalah dikehendaki bagi membiayai harga pengambilan tanah dan pampasan di bawah Pecahan-kepala 15—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Dengan tambahan ini bolehlah Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak itu melaksanakan projek-projek tanaman lada hitam berikutan dengan penempatan semula penduduk-penduduk di Nanga Sekuau, Negeri Sarawak.

Dengan ini saya mohon supaya peruntukan tambahan yang kedua berjumlah \$1,929,010 diluluskan.

6.02 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong perbelanjaan pembangunan tambahan bagi Kementerian Kemajuan Tanah, khasnya peruntukan kepada negeri Sarawak.

Seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebentar tadi peruntukan tambahan ini adalah perkara yang sangat perlu kepada negara ini pada keseluruhannya.

Pertama, mengenai Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah. Sempadan Negeri Sarawak dan Kalimantan Indonesia adalah begitu panjang sekali bagi negeri-negeri di dalam Malaysia yang bersempadan dengan negara jiran. Oleh hal yang demikian sudah semestinya penentuan tanda sempadan antarabangsa dibuat dengan lengkap dan kokoh untuk mengelakkan sebarang keraguan baik antara rakyat mahupun pihak Kerajaan kita dan Kerajaan yang berkenaan.

Dengan adanya peruntukan tambahan seperti dikehendaki ini dapatlah pihak bertanggungjawab membuat tugas segera dan penting bagi kepentingan negara dan rakyat kita yang cintakan keamanan yang tidak berniat untuk mencerooboh pihak yang lain. Dan juga dengan adanya tanda sempadan yang tertentu bagi pihak rakyat di antara kedua negara yang bersempadan seperti yang saya sebut awal tadi lebih mengetahui lagi had perjalanan mereka supaya tidak dengan sengaja memasuki di kawasan negara jiran tetangga walaupun dengan niat yang baik sekalipun seperti berburu binatang di hutan dan sebagainya.

Seperti kita ketahui di Bahagian Pertama, Kedua dan Kelima Negeri Sarawak rakyat negara ini duduk berkampung dan menjalani kehidupan mereka berhampiran sangat dengan garis sempadan di antara kita dengan negara jiran. Di kawasan seperti inilah yang diberi penentuan tanda sempadan yang tertentu bukan sahaja di atas peta bahkan yang lebih penting ialah tanda-tanda dibuat di atas tanah seperti batu simin jelas dengan perkataan dibuat supaya dapat dikenal oleh

sesiapa sahaja supaya dapat diingati untuk sepanjang zaman.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan sebanyak hampir \$2 juta seperti dikehendaki di dalam Kertas Perintah 19 tahun 1974 yang di hadapan Majlis sekarang bagi bayaran harga pengambilan tanah dan pampasan untuk tanah dusun kaum bumiputra atau lebih tepat lagi adalah suku kaum Iban untuk membolehkan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak membuat projek pertanian seperti lada hitam dan sebagainya bagi kepentingan kaum Iban itu sendiri seperti yang terdapat di Nanga Sekuau di Bahagian Ketiga, Sarawak.

Suka juga saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya di kawasan yang lain di mana terdapat rumah-rumah panjang dan terpencil di pendalaman Negeri Sarawak diberi rancangan penempatan semula seperti yang dibuat di Sekuau untuk melindungi mereka itu daripada ancaman-ancaman pengganas komunis Sarawak serta dapat mengubah cara kehidupan baru kepada mereka itu.

Saya dengan adanya peluang ini memberi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan dan juga Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak atas daya usaha yang telah dibuat dan sedang dibuat serta yang akan dibuat seperti terdapat di kawasan pilihanraya saya rancangan menanam kelapa sawit serta juga ternakan binatang yang begitu luas dan teratur sekali bagi kepentingan rakyat luar bandar lebih-lebih lagi penduduk di rumah-rumah panjang yang berdekatan kawasan rancangan-rancangan itu.

Ini sudah jelas buktinya yang tidak dapat hendak diputarbelitkan oleh pihak tertentu mengatakan iaitu rakyat Malaysia kaum bumiputra yang berhampiran pantai laut sahaja yang merasai nikmat pembangunan. Apa yang saya lihat seperti di daerah saya ialah bumiputra yang diam di hulu sungai, sebahagian daripada mereka itulah yang mendapat lebih banyak di bidang pembangunan seperti jalanraya yang besar dan cantik serta bantuan di bidang pertanian. Walaupun demikian bagi rakyat di kawasan saya yang diam di kawasan tepi laut yang menduduki di atas tanah yang tidak sesuai untuk bercucuk tanam tidak berasa hampa walaupun projek pembangunan Kerajaan belum lagi dirasai oleh kerana mereka itu sedar di kampung 10 atau 15 buah rumah

yang terpencil tidak akan dapat dibuat jalanraya, jeti dan bekalan-bekalan air, dan api atau sebagainya. Dengan jalan penempatan semula penduduk-penduduk yang terpencil di antara satu rumah panjang dengan satu rumah panjang yang lain di mana penduduknya tidak begitu ramai seperti dibuat di Nanga Sekuau itu, saya rasa inilah yang paling sesuai supaya segala rancangan senang diatur dan dibuat bagi kepentingan jangka panjang dan kebahagiaan hidup kaum bumiputra yang dahulunya diam berpindah-pindah dari satu kawasan ke kawasan yang lain untuk mendapat tanah yang subur bagi tanaman padi dan sebagainya dengan tidak ada sekatan apa-apa yang juga boleh merugikan rakyat itu sendiri dan Kerajaan dengan menebang hutan tua yang menjadi sumber kekayaan alam semula jadi negara ini. Walaupun demikian

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat tepatkan pada soal di hadapan kita berkenaan tanaman lada hitam, tanaman batu sempadan.

Tuan Latip bin Haji Dris: Ya. Maka satu jalan yang lebih sesuai telah disediakan oleh Kerajaan sekarang di mana jalanraya itu melintasi hutan sedang dibuat dengan segala rancangan pertanian disediakan seperti menanam lada hitam dan sebagainya. Oleh itu, saya berharap segala bantuan untuk kemajuan tanah diberikan kepada rakyat di Negeri Sarawak.

6.09 ptg.

Tuan Jawan Empaling (Rajang): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I would like to say something in regard to a provision for making nearly \$2 million available as *pemberian* to enable the Sarawak State Government to acquire land for a Lada Hitam Planting Scheme for the Nanga Sekuau settlers as stated in Kertas Perintah No. 19 Tahun 1974, on page 8.

As the representative from that constituency, I wish to give my full support to the provision and I wish to express my deep appreciation to the Barisan Nasional Government for making this provision so that the Lada Hitam Planting Scheme as has been planned for the settlers at Nanga Sekuau can be carried out successfully as soon as it is ready. I know quite well that nearly two thousand people of 13 longhouses

at Nanga Sekuau are extremely happy because they have something to hope for and they are getting benefit from the project. These people in this area have often indicated to me their sincere appreciation for what the Barisan Nasional Government has done for them and is still doing and will be doing for them in terms of services rendered to them.

Tuan Pengerusi, I would like to make it known to this House also briefly about Nanga Sekuau. Nanga Sekuau is just like a lovely little county where nearly two thousand people live happily and harmoniously in a small community. This lovely little county, as I call it, has a small unit of agriculture training programme, a home and family life training programme for women, a small and simple wooden primary school and a small unit of Police to keep law and order. According to my observation, the true spirit of gotong-royong, the spirit of oneness, and the spirit of togetherness are really existing in this Resettlement Area at Sekuau in Sarawak. I am quite certain that the Resettlement Schemes at Nanga Ngemah, Nanga Ngungun and Nanga Tada in Sarawak have shared the same experiences as the people at Nanga Sekuau. From my observation of the experiences that the people have in this area, I really believe that by establishing more resettlement schemes, such schemes would help to bring in great happiness and better standard of living to a good number of the Ibans and all ethnic groups in the rural societies in Sarawak. I think we must not forget that all the credits in developing these very rural societies of the Nanga Sekuau, Nanga Ngemah, Nanga Ngungun and Nanga Tada must go to the dynamic leadership of Sarawak's Chief Minister, Y.A.B. Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub and his former Deputy, Y.B. Datuk Stephen Yong, who is a Member of this House for Padawan, the members of the RASCOM staff and the staff members of the Sarawak Land Development Board.

Tuan Pengerusi, in this respect, I personally appeal to the Barisan Nasional Government to make more funds available for the Sarawak State Government and to the other States as well, so that the State Governments can carry out additional development projects for the rakyat in the rural societies. I am making this appeal because I feel this is one of the ways to

achieve the goals and objectives of the Barisan Nasional Government.

6.15 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong Anggaran Pembangunan (Tambahan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian di bawah Kepala P. 64, yang mana kita sama-sama maklum Anggaran Tambahan tersebut amatlah menasabah, kerana apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian hari ini amatlah banyak rancangan-rancangannya. Salah satu rancangan yang kita tengok selain daripada yang disebutkan tadi berkenaan dengan Rancangan FELDA dan sebagainya, ini membawa kebaikan kepada rakyat umum. Saya dapat tahu peserta-peserta FELDA menyatakan perolehan mereka kalaulah hendak dibandingkan dengan seorang yang makan gaji \$1,000 mereka dapat lebih lagi, tetapi walau macammanapun, Tuan Pengerusi, saya berasa amatlah malang oleh sebab Negeri Perlis ini sebuah negeri yang kecil, tidak boleh hendak dibuka Rancangan FELDA, sepertimana yang dibuka di tempat lain.

Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian Tanah dan Galian walaupun negerinya kecil, tetapi cubalah di beberapa tempat yang boleh agar dapat dibuka di Negeri Perlis. Saya syorkan satu jenis tanaman yang boleh dibuat di Negeri Perlis jikalau Menteri Tanah dan Galian berfikir patut dan mengadakan di tempat yang berkenaan adalah tanaman ini amat menasabah iaitu tanaman halia. Tempatnya ialah Wan Kelian, sempadan Negeri Perlis dengan Negeri Thai.

Tuan Pengerusi: Ini terkeluar daripada tanda batu sempadan dan tanaman lada hitam, pergi ke halia pula. Tolong tepatkan kepada tanda batu dan menanam lada hitam masa sudah suntuk sekarang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan untuk kebaikan tempat saya di Negeri Perlis.

Tuan Pengerusi: Kalau ada masa bolehlah buat pengesyoran secara am—masa sudah suntuk.

Tuan Shaari bin Jusoh: Yang kedua, berkenaan dengan cukai tanah ataupun tanah-tanah sempadan.

Tuan Pengerusi: Tidak bersangkutan dengan cukai.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tanda peta yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian tadi. Saya berpendapat cara menanda peta ataupun pengambilan tanah ini ada setengahnya tidak begitu sesuai. Katakanlah Kerajaan mengambil satu tanah seluas empat ekar, diambilnya satu ekar, tetapi malangnya selepas diambil satu ekar yang empat itu tidak dipotongnya bahkan sampailah bila-bila. Malangnya, kepada tuan tanah yang mana tanahnya tinggal tiga ekar sesudah diambil oleh pihak yang berkenaan, maka hasilnya diambil sampai turun-temurun. Saya berharap cara yang begini patut diubah.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan tanah ini kalau satu-satu orang itu mempunyai tanah 10 ekar, dia hendak jual tiga ekar atau lima ekar, kesemuanya dikira cukai di atas 10 ekar tanah itu walaupun yang lainnya tidak dijual. Saya berharap mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan. Oleh sebab Tuan Pengerusi mengatakan masa tidak mengizinkan saya untuk bercakap panjang, sekianlah sahaja.

6.18 ptg.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk berucap berkenaan dengan Anggaran Pembangunan (Tambahan) di bawah Kementerian saya ini.

Memanglah berkenaan dengan penentuan tanda sempadan antarabangsa yang sedang kita laksanakan sekarang ini, kita sedar bukan sahaja untuk faedah bagi kedua-dua negara Malaysia ataupun Indonesia, tetapi juga untuk faedah kedua-dua rakyat. Oleh itu, pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi memang tepat sekali dan saya mengucapkan terima kasih.

Berkenaan dengan perkara yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak supaya kawasan-kawasan yang lain

di rumah-rumah panjang yang terpencil dibuat rancangan yang sama seperti juga yang dibuat di Nanga Sekuau itu, perkara ini pada pandangan saya sudahpun ada dalam rancangan Kerajaan Negeri Sarawak dan sudahpun ada juga dimasukkan di bawah Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sarawak. Insya Allah barangkali perkara ini akan dilaksanakan peringkat demi peringkat di masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Rajang juga telah menyatakan beberapa pandangan yang menasabah berkenaan dengan peruntukan pengambilan tanah bagi kepentingan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sarawak ini. Memanglah Ahli Yang Berhormat sekalian patutlah sedar bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini sentiasa berusaha menyusun berbagai-bagai rancangan untuk mencapai objective ataupun matlamatnya bagi faedah rakyat semua sekali. Sebanyak mana yang kita telah berjanji kita akan berusaha sedaya-upaya yang boleh bagi melaksanakan janji-janji kita, khususnya di dalam soal rancangan kemajuan tanah bagi faedah rakyat yang tidak mempunyai tanah. Dan memang tujuan kita apabila kita memindahkan rakyat di dalam kawasan-kawasan baharu ialah semata-mata hendak mewujudkan suatu masyarakat baharu bukan sahaja masyarakat yang berpendapatan baik daripada hasil tanaman baharu tetapi masyarakat yang mempunyai semangat gotong-royong, hidup secara harmoni, mempunyai semangat hidup yang segar sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat. Dengan demikian, apa yang telah berlaku di kawasan Nanga Sekuau itu itulah juga yang berlaku di kawasan-kawasan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Perlis telah merasa sedih kerana Negeri Perlis kecil tidak ada kawasan tanah yang hendak dibuka lagi bagi rancangan FELDA, tetapi patutlah saya menyatakan bahawa rancangan menanam tebu untuk gula yang tunggal yang diadakan oleh FELDA ialah di Negeri Perlis. Dengan demikian, saya rasa Perlis patutlah merasa bertuah kerana rancangan tunggal gula oleh FELDA dibuka di Negeri Perlis sebanyak 10,000 ekar di samping 10,000 ekar diadakan oleh Perlis Plantation. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Kerajaan Negeri Perlis dapat mengadakan kawasan-kawasan yang menasabah, insya Allah, pihak FELDA akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan tanda peta yang disebutkan tadi, ini barangkali adalah sedikit sebanyak kesilapan yang berlaku dalam pentadbiran. Saya tahu Negeri Perlis sekarang ini ada satu jabatan iaitu Jabatan Penyelesaian Tanah sedang menjalankan kerja-kerja. Tujuan yang utama sekali bagi Bahagian Penyelesaian Tanah ini ialah untuk membetulkan segala pelan-pelan dan juga-membetulkan tentang hak milik bagi tanah-tanah yang sudah bertapis-tapis tidak selesai dalam Negeri Perlis itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya rasa sekianlah sahaja jawapan saya dan mohon supaya peruntukan ini diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,929,010 untuk Kepala P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$49,508,131 dibelanjakan daripada Kumpulan Pembangunan bagi tahun kewangan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai kertas Perintah itu.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974) telah ditimbalan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul berikut yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$49,508,131 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$49,508,131 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN DAN KUMPULANWANG PEMBANGUNAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Akta Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) (No. 2), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat sedikit pindaan kepada Seksyen 13 (6) Akta Acara Kewangan 1957 dan Seksyen 7 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966.

Dewan, dalam sidangnyanya pada bulan Julai yang baru lalu telah meluluskan beberapa pindaan kepada Akta Acara Kewangan 1957 dan juga Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 guna menubuhkan Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai. Pindaan-pindaan itu, malangnya, didapati kurang nyata dan mungkin menimbulkan kekeliruan kepada agensi-agensi Kerajaan. Untuk mengelakkan terjadinya kekeliruan itu, pindaan-pindaan itu kenalah diperbaiki dan diperketatkan bagi seperti yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 18hb November, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.